

BAB 7 : PENGANJUR KEBAJIKAN RAKYAT

Kemenangan GERAKAN di Pulau Pinang dalam pilihanraya 1969 dengan begitu cemerlang sekali, telah memberi satu suntikan semangat dan keyakinan kepada LCE sebagai Ketua Menteri. Dengan keyakinan ini, LCE sedar tugas utamanya adalah memastikan **kebajikan masyarakat** tidak diabaikan sebagai tanda terima kasih kepada penduduk negeri yang memberi sokongan kepada beliau dan GERAKAN.* Dalam hal ini, sebagai seorang doktor, soal kesihatan dan kebersihan dititikberatkan oleh LCE. Beliau juga merancang projek pembangunan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) bagi meningkatkan keselesaan hidup kepada masyarakat serta mengusahakan penubuhan Pusat Latihan Bandaraya untuk melatih pemuda-pemudi menjadi tenaga buruh yang berilmu dan dilengkapi dengan pengetahuan teknikal.

Kesihatan dan Kebersihan Masyarakat

Walaupun LCE mementingkan tanggungjawabnya sebagai Ketua Menteri untuk memajukan ekonomi di Pulau Pinang tetapi beliau juga tidak mengabaikan pembangunan dari segi sosial di negeri itu. Dalam tempoh antara tahun 1969 hingga 1974, LCE selaku Ketua Menteri Pulau Pinang amat menitikberatkan taraf kesihatan rakyat negeri itu. Ini dapat dilihat berdasarkan usaha-usaha yang dijalankan oleh beliau untuk menjaga kebersihan khasnya di

* *Kwong Wah Jih Poh*, 13/10/69, SP45/3225, Vol.1, No.52. *Straits Echo*, 13/4/70, SP45/3228, Vol.4, No.52. Dr.Lim dan isterinya sering membuat lawatan ke rumah-rumah kebajikan seperti rumah orang tua. *China Press*, 21/4/70, SP45/3228, Vol.4, No.52. Pada 21 Oktober 1971, LCE dan isterinya telah menaiki bot bagi melawat kawasan banjir di Glugor, Sungai Pinang dan Sungai Lat. Pada larut malam, beliau juga menemui mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Dato Kramat untuk bertanyakan keadaan. *Sing Pin Jit Poh*, 22/10/71, *Straits Echo*, 22/10/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

kawasan bandar seperti George Town yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi¹ dengan tujuan melahirkan sebuah masyarakat yang sihat. Mengikut LCE :

Programmes for the control and prevention of many of the microbial, parasitic and viral diseases must be given every priority in the social development that is associated with our economic effort.²

Kata-kata LCE itu menunjukkan beliau seorang yang sangat mementingkan kesihatan masyarakat Pulau Pinang. Sebagai seorang yang pernah mendapat didikan mengenai bidang perubatan, beliau sedar asas utama kejayaan negeri Pulau Pinang adalah mempunyai sebuah masyarakat yang sihat.³

Sebagai langkah pertama, LCE selalu menyeru rakyat supaya berhati-hati dengan kejadian pembiakan nyamuk yang boleh membawa kepada penyakit denggi. Beliau meminta masyarakat Pulau Pinang supaya menjagakan kebersihan sekitar halaman rumah dengan membuang tin-tin kosong dan benda-benda yang boleh membawa takungan air yang menjadi tempat kesukaan pembiakan nyamuk. Beliau juga mengarahkan pihak-pihak terbabit seperti Majlis Bandaraya George Town dan Majlis-Majlis Tempatan di seluruh Pulau Pinang supaya giat menjalankan langkah-langkah penghapusan nyamuk.⁴ Walaupun usaha penghapusan nyamuk ini telah pun dilaksanakan sebelum tahun 1969, namun aktiviti ini telah diteruskan dan dipergiatkan lagi semasa era pimpinan LCE. Ini menunjukkan bahawa beliau

¹ Negeri ini secara fizikalnya terbahagi kepada dua. Pulau dan Seberang Prai dengan keluasan 1031.82 km persegi. Pada tahun 1970, negeri ini mempunyai 776770 orang dan meningkat menjadi 954600 orang pada tahun 1980. Taburan penduduk negeri ini didapati tidak samarata. Sejumlah 56 peratus daripadanya mendiami di bahagian Pulau, sementara 44 peratus di Seberang Prai. Dari kepadatan dan agihan penduduk, Daerah Timur Laut di mana terletaknya bandaraya George Town mempunyai penduduk paling ramai sekali iaitu kira-kira 43 peratus dari seluruh penduduk Pulau Pinang, diikuti Daerah Seberang Prai Utara sebanyak 30 peratus dan Daerah Seberang Tengah sebanyak 19 peratus.

² *Straits Echo*, 8/7/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

³ *Sin Chew Jit Poh*, 11/4/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

bukan sahaja mementingkan pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang tetapi juga mengutamakan kualiti hidup masyarakat negeri tersebut.

Dengan itu, beliau mengarahkan pegawai-pegawai pasukan pencegah nyamuk giat membuat kunjungan rumah ke rumah untuk membuat pemeriksaan. Bagi LCE, langkah ini penting untuk mencegah pembiakan nyamuk kerana pemilik-pemilik atau penghuni-penghuni tanah-tanah dan bangunan-bangunan kosong akan diberi notis-notis mengikut Akta Pembasmian Malaria 1971 supaya membersihkan semak-samun atau mengambil langkah-langkah untuk mencegah nyamuk-nyamuk daripada membiak di dalam bangunan-bangunan mereka.⁵ Beliau sedar kebanyakan daripada tempat-tempat pembiakan nyamuk terletak dalam bangunan seperti tangki-tangki air, tembikar-tembikar, mangkuk-mangkuk bawah tempat-tempat menyimpan daging, pasu-pasu bunga dan pinggan-pinggan pengalas pasu-pasu bunga yang terbiar. Jenis nyamuk membiak di tempat-tempat seperti itu ialah Aedes yang bertanggungjawab membawa Deman Denggi.⁶ Jadual 7.1 menunjukkan bilangan rumah dan tanah kosong yang telah diperiksa dari tahun 1970 hingga 1974.

**Jadual 7.1 *Bilangan rumah dan Tanah Kosong Yang Diperiksa
Antara Tahun 1970 hingga 1974***

Tahun	1970	1971	1972	1973	1974
Bilangan Rumah dan Tanah Kosong	153,908	136,994	176,683	207,806	230,194

Sumber : Disesuaikan daripada Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970, 1971, 1972, 1973*. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974*, hlm.25-28.

⁴ *Kwong Wah Jih Poh*, 4/4/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

⁵ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974*, hlm.2.

⁶ *Ibid.*

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bilangan rumah dan tanah kosong yang diperiksa oleh pasukan-pasukan pencegah nyamuk telah meningkat setiap tahun kecuali tahun 1971. Peningkatan ini adalah berikutan dari usaha gigih yang dijalankan oleh LCE dan pihak Kerajaan Negeri yang memandang serius terhadap perebakan penyakit nyamuk Aedes yang boleh membawa maut. Katanya :

The most importance basic measure in preventing dengue fever from becoming epidemic is to reduce the Aedes mosquito population. The Health Departments of the Government and local councils will assist you in all possible way... The Government hospitals are geared to receive and treat all suspected cases of dengue.⁷

Sebagai langkah pencegahan, LCE juga mengarahkan kerja-kerja pemeriksaan bagi mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk dijalankan. Tempat-tempat pembiakan nyamuk adalah seperti rumah, telaga, longkang-longkang, alur, parit awam dan parit persendirian. Kerja-kerja seumpama ini yang dilaksanakan oleh LCE berjaya membawa hasil yang baik berdasarkan tempat pembiakan nyamuk yang ditemui semakin berkurangan mengikut urutan tahun khususnya di rumah.⁸ Keadaan ini membuktikan keberkesanan kerja-kerja pemeriksaan rumah ke rumah untuk mencegah penyakit nyamuk.

⁷ *Straits Echo*, 28/4/1974, SP45/3241, Vol.17, No.52.

⁸ Tempat ini mengalami penurunan yang paling mendadak iaitu daripada 10848 pada tahun 1968 kepada 1272 pada tahun 1973. Pada tahun 1968, 1118 buah telaga ditemui merupakan tempat pembiakan nyamuk, jumlah ini menurun kepada 356 pada tahun 1973. Pada tahun 1968, 3158 buah longkang didapati menjadi tempat pembiakan nyamuk, angka ini menurun kepada 1099 pada tahun 1973. Pada tahun 1968, 439 buah alur merupakan tempat pembiakan nyamuk, jumlah ini berkurangan kepada 53 pada tahun 1973. Pada tahun 1968, 1194 parit awam merupakan tempat pembiakan nyamuk, jumlah ini menurun kepada 389 pada tahun 1973. Pada tahun 1968, 2021 buah parit persendirian adalah tempat pembiakan nyamuk, angka ini berkurangan kepada 1350 pada tahun 1973. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.40-44.

Di samping itu, LCE meminta penduduk-penduduk Pulau Pinang supaya tidak cemas dengan ancaman penyakit demam denggi⁹ kerana beliau juga mengadakan pasukan pencegah nyamuk (Chokra Gangs) yang bertanggungjawab mengurangkan gangguan nyamuk dengan mengesan dan memusnahkan tempat-tempat yang mungkin menjadi tempat pembiakan nyamuk seperti saluran cucuran atap, tangki-tangki najis dan rongga-rongga pokok. Beliau mengarahkan pasukan pencegah nyamuk ini memberikan tumpuan kepada tempat pembiakan nyamuk lain yang biasa ditemui seperti di dalam kelapa-kelapa yang gugur dan terbuang, tin-tin dan bekas-bekas yang dibuang, botol-botol, tayar-tayar yang terdedah dan tong-tong kosong. Di bawah arahan LCE, sejumlah 906,358 barang-barang ini dipungut dan dimusnahkan pada tahun 1970. Jumlah ini meningkat kepada 1,017,052 pada tahun 1971, 1,207,580 pada tahun 1972, seterusnya 1,587,265 tahun 1973.¹⁰

Untuk meningkatkan keberkesanan kerja-kerja penghapusan tempat pembiakan nyamuk yang dilancarkan oleh LCE. Beliau turut menjalankan aktiviti penyemburan dan pembersihan parit-parit tanah dan anak-anak sungai. Sepanjang 8,919,413 kaki parit tanah dan anak sungai dibersih dan disembur pada tahun 1970, 4,861,181 pada tahun 1971. Pada tahun 1972 dan 1973 pula mencatat 9,443,120 kaki dan 8,787,634 kaki. Penyemburan ini telah dijalankan dengan menggunakan campuran anti-malaria, filariol pekat, Gammexane dan Flit MLO.¹¹

Pada 27 April 1974, LCE dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri, telah menganjurkan satu Upacara Pelancaran Membasmi Nyamuk Aedes di Rifle Range yang telah dirasmikan oleh beliau sendiri dan diikuti oleh satu aktiviti gotong-royong. Kempen secara

⁹ *Kwong Wah Jih Poh*, 25/7/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

¹⁰ *Pulau Pinang, Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town, 1971, 1972, 1973.*

¹¹ *Pulau Pinang, Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.40-44.

besar-besaran ini dilancarkan oleh LCE sebagai langkah berjaga-jaga terhadap ancaman penyakit demam denggi di Pulau Pinang.¹² Mengikut LCE :

Many houses owners and occupants are usually not aware that Aedes may be breeding in their own houses and backyards. When they get bitten by mosquitoes, they often tend to blame their neighbours. Mosquitoes can breed in any container which contains water especially after rain. In Malaysia, dengue fever occurred in a serious form last year and for the first time in many years, it reached epidemic proportions in many parts of the country. There were 969 cases reported in Peninsular Malaysia and in the State of Penang, there were 37 suspected cases which fortunately were not fatal even though some of the cases were serious ones.¹³

Beliau dalam ucapan dasarnya pada hari pelancaran itu menggariskan enam langkah untuk rakyat Pulau Pinang mencegah pembiakan nyamuk Aedes iaitu pertama, membuang semua tin kosong, botol, tempurung kelapa serta bekas-bekas yang boleh berisi air, sama ada menanam atau membuang ke dalam tong sampah. Kedua, bubuhkan sesudu garam ke dalam bekas bertakungan air dalam rumah. Ketiga, penukaran air dalam pasu-pasu bunga, bekas perhiasan sekurang-kurangnya sekali seminggu. Keempat, penukaran air dalam tangki dan telaga sekali seminggu. Kelima, memberi kerjasama kepada pegawai-pegawai Jabatan Kesihatan yang melawat rumah mereka untuk membubuh ubat (abate) bagi membunuh jentik-jentik di tempat bertakungan air. Keenam, memastikan tempat perumahan sentiasa berada dalam keadaan bersih.¹⁴ Pelancaran kempen ini memperlihatkan cita-cita LCE menanam kesedaran di kalangan masyarakat negeri tersebut mengenai bahayanya ancaman penyakit demam denggi.

¹² Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974*, hlm.3.

¹³ Straits Echo, 28/7/74.

¹⁴ Ibid.

Sejak LCE menjadi Ketua Menteri, beliau sentiasa menyeru masyarakat supaya menjaga kebersihan negeri Pulau Pinang khususnya di kawasan-kawasan bandar. Penduduk negeri ini telah diseru supaya memberikan kerjasama sepenuhnya pada kerajaan untuk melahirkan sebuah negeri yang bersih.¹⁵ Bagi LCE, kebersihan di Pulau Pinang bukan sahaja penting bagi menarik kemasukan pelancong-pelancong dari luar tetapi termasuk mewujudkan sebuah negeri yang cantik dan indah.¹⁶ Beliau mempunyai cita-cita menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar di mana semua orang mempunyai pekerjaan, makanan mencukupi, tempat tinggal yang selesa, rumah mencukupi dan sebuah bandar yang bersih dan indah.¹⁷ Mengikut akhbar *Straits Echo* :

*Dr.Lim stressed that the original anti-litter campaign was not so much for the sake of the tourists but for the people to live in a healthier and more beautiful environment.*¹⁸

Sebagai langkah permulaan, beliau meminta pelajar-pelajar sekolah memberikan sumbangan dengan memberikan sokongan penuh kepada kempen menjaga kebersihan bandar dengan melahirkan perasaan yang bertanggungjawab serta tanam tabiat tidak membuang sampah-sarap sesuka hati. Seruan ini dilakukan secara intensif kerana keadaan kebersihan Pulau Pinang yang membimbangkan pada masa itu.¹⁹ Bagi LCE, pelajar-pelajar bukan sahaja harus diajar menjaga kebersihan di sekolah, tetapi mereka turut perlu diarah mengajar ahli keluarga, saudara mara dan kawan-kawan mereka supaya tidak membuang sampah-sarap

¹⁵ *Straits Echo*, 16/9/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

¹⁶ *Nanyang Slang Pao*, 25/7/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

¹⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 18/2/73, SP45/3227, Vol.13, No.52.

¹⁸ *Straits Echo*, 5/8/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

¹⁹ Pada tahun itu, mengikut perangkaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, ia perlu mengumpulkan 3702 tan sampah sebulan. Ini bererti, di antara penduduk berjumlah 312000 orang dengan setiap penduduk menghasilkan 0.9 paun sampah. Walaupun keadaan ini dapat mengupah lebih ramai pekerja membuang sampah, tetapi LCE menyifatkannya sebagai satu langkah tidak produktif. *China Press*, 28/9/70, *Malayan Thung Pao*, 28/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

merata-rata.²⁰ Harapan LCE adalah beliau dapat menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar yang terbersih dan tercantik di dunia.²¹

Bagaimanapun, keadaan dan tahap kebersihan di Pulau Pinang semakin membimbangkan LCE apabila berlaku kenaikan dalam jumlah pungutan sampah sejak tahun 1969 (Sila Lihat Jadual 7.2). Jadual ini menunjukkan kenaikan paling mendadak dalam jumlah pungutan sampah adalah pada tahun 1970 dan 1971 iaitu masing-masing mencatat 49827 tan dan 53163 tan. Sampah pembuangan meningkat khususnya pada musim buah-buahan dan musim perayaan Tahun Baru Cina.²² Keadaan semakin membimbangkan khususnya pada tahun 1970 apabila jumlah pungutan sampah meningkat sebanyak 5404 tan berbanding tahun 1969.

Jadual 7.2 : Jumlah Pungutan Sampah (Jumlah Tahunan) Antara Tahun 1963 Hingga 1974.

Tahun	Jumlah Sampah (dalam tan)	Tahun	Jumlah Sampah (dalam tan)
1963	46722	1969	44423
1964	46456	1970	49827
1965	47535	1971	53163
1966	45771	1972	53266
1967	46680	1973	53496
1968	45170	1974	71325

Sumber : Pulau Pinang, *Laporan-Laporan, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang, 1974*, hlm.40.

²⁰ Pekerja sampah selalu mengadu penduduk suka membuang sampah ke dalam longkang menyebabkan longkang tersebut tersumbat. Ini menyebabkan masalah banjir apabila berlaku hujan lebat. *Nanyang Siang Pao*, 28/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

²¹ *China Press*, 28/9/70.

²² Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1971*, hlm.62-63.

Akibat perkembangan ini, LCE mengadakan Undang-undang iaitu Anti-Pembuangan Sampah (Anti-Litter Laws) untuk membasmikan gejala pembuangan sampah-sarap di merata-rata tempat. Undang-undang ini telah diwartakan pada bulan Oktober 1970²³ dan penguatkuasaan hanya dilaksanakan pada tahun 1971. Beliau terpaksa memperkenalkan undang-undang ini kerana masalah kebersihan ini tidak dapat diatasi walaupun kerja-kerja pembersihan dijalankan setiap hari kecuali hari Ahad dan cuti am. Tempat-tempat tarikan pelancong seperti Gurney Drive pula dibersihkan dua kali seminggu iaitu pada hari Selasa dan Jumaat.²⁴ Walaupun undang-undang anti-pembuangan sampah ini diluluskan, tetapi LCE lebih mengharapkan kerjasama daripada masyarakat untuk menjaga kebersihan di Pulau Pinang.²⁵ Oleh itu, beliau telah mengadakan satu siri kempen kesedaran yang bermula pada 1 Januari 1971 sebelum penguatkuasaan undang-undang ini dilaksanakan. Tujuan kempen ini diadakan adalah memberikan penerangan dan menanam kesedaran di kalangan masyarakat Pulau Pinang mengenai kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Selaras dengan usaha itu, poster-poster yang menyeru masyarakat mengutamakan kebersihan ditampalkan di tempat-tempat yang menjadi kunjungan orang ramai seperti kedai kopi dan perhentian bas.²⁶

Bagaimanapun, beliau berdepan dengan satu masalah apabila terdapat sekumpulan orang merosakkan poster-poster tersebut. Beliau menyifatkan wujudnya sikap tidak bertanggungjawab ini adalah kerana terdapat kekurangan kesedaran sivik dan tanggungjawab di kalangan segelintir anggota masyarakat.²⁷ Selain itu, bahan-bahan publisiti kempen

²³ *Malay Mail*, 23/10/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

²⁴ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970*, hlm.12-13.

²⁵ *Malayan Thung Pao*, 15/10/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

²⁶ *Straits Times*, 21/4/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

²⁷ *Sing Pin Jit Poh*, 21/4/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

kebersihan juga disediakan dalam bentuk *pamphlets*, *banners*, *letter stickers*, *roadside signs*, dan *cinema slides*.²⁸

Kemuncak kempen kebersihan ini dijalankan secara besar-besaran pada 2 Mei 1971 di Stadium Bandaraya. Upacara ini dirasmikan oleh LCE sendiri. Upacara pelancaran ini menerima sambutan baik apabila seramai 2,000 peserta lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam perarakan kempen kebersihan ini. Mereka terdiri daripada anggota sukarelawan, pekerja Majlis Bandaraya, pasukan Bulan Sabit Merah, St.John Ambulance, kadet, pengakap, pelajar sekolah.²⁹ Kempen ini dijalankan selama sebulan bermula 2 Mei 1971. Tujuannya adalah mengajar masyarakat bagaimana menjaga kebersihan.³⁰

Untuk memastikan keberkesanan pelancaran kempen ini, LCE juga memberikan penjelasan mengenai penguatkuasaan undang-undang anti-pembuangan sampah kepada masyarakat sepanjang kempen ini dijalankan. Menurut undang-undang ini, sesiapa yang melanggar peraturan akan didenda \$250 bagi kesalahan kali pertama dan \$500 bagi kesalahan kali kedua. Beliau turut menggariskan empat kesalahan dalam undang-undang ini, iaitu pertama, menjemur makanan atau benda di tempat awam. Kedua, meletak dan membuang sampah, bangkai haiwan di tempat awam. Ketiga, meletak sampah-sarap secara tidak tersusun sehingga menjelaskan kelancaran pengangkutan. Keempat, kebersihan di bangunan awam tidak dijaga. Beliau menyeru masyarakat supaya menggunakan tong sampah di tepi jalan , taman bunga, taman rekreasi, tepi sungai dan tempat awam.

Beliau juga meminta pengguna supaya menutup tong sampah dengan baik selepas menggunakannya. Makanan buangan seperti kulit udang, tulang ikan perlulah dimasukkan ke

²⁸ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1971*, hlm.12-13.

²⁹ Sin Chew Jit Poh, 3/5/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

dalam beg plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Tong sampah juga perlu diletakkan di depan atau belakang rumah untuk memudahkan kerja-kerja pengutipan sampah-sarap. Sampah-sarap di taman bunga perlulah dibakar, kanak-kanak tidak dibenarkan kencing di tepi longkang.³¹ Ini menunjukkan satu penjelasan yang terperinci diberikan oleh LCE bagi menanam kesedaran di kalangan masyarakat mengenai tanggungjawab menjaga kebersihan di Pulau Pinang. Selain itu, LCE juga mengadakan aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan tempat tinggal dengan penyertaan penduduk kawasan terbabit.

Beliau juga mendapatkan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri bagi melicinkan lagi perjalanan kempen ini dengan mengadakan pertandingan-pertandingan yang bertemakan kebersihan seperti melukis poster, syarahan, menulis karangan, pemilihan sekolah yang paling bersih di peringkat daerah dan negeri.³² Selain itu, pertandingan juga diadakan bagi memilih jalan, kampung, pasar yang paling bersih dan cantik.³³ Penganjuran yang dilancarkan oleh LCE ini sudah pasti memeriahkan lagi kempen penjagaan kebersihan di negeri Pulau Pinang. Yang lebih penting adalah kempen ini menyaksikan pelaksanaan yang begitu bersungguh-sungguh oleh LCE dan kegiatan ini melibatkan segenap lapisan masyarakat.

Dalam menguatkuasakan undang-undang anti-pembuangan sampah, LCE telah menubuhkan satu pasukan penguatkuasaan undang-undang ini pada 1 Jun 1971. Pasukan ini terdiri daripada seorang penyelia dan 12 orang buruh. Kerja-kerja pencegahan kekotoran telah dijalankan hampir setiap hari.³⁴ Pasukan ini telah bekerja pada waktu malam, hari Ahad dan juga hari-hari pelepasan am. Selain dari menguatkuasakan pencegahan kekotoran, pasukan ini

³⁰ *China Press*, 1/5/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

³¹ *China Press*, 1/5/71.

³² Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1971*, hlm.62-63.

³³ *Straits Echo*, 12/5/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

³⁴ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1971*, hlm.12-13.

jugalah menjalankan kempen mencegah lembu,³⁵ meroboh binaan-binaan haram (seperti mana yang diarahkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Bangunan), memeriksa lesen-lesen beca dan lesen-lesen kereta tolak penjaja, memeriksa tandas-tandas awam untuk mencegah perbuatan jahat.³⁶

Di bawah arahan LCE, pasukan penguatkuasa ini telah menjalankan tugasnya dengan begitu baik kerana seramai 654 orang ditangkap kerana melanggar undang-undang anti-pembuangan sampah sehingga 13 Disember 1971. Dari jumlah ini, 234 kes telah didenda. Hasil pulangan denda ialah \$1470. Dua lagi kes dihadap ke mahkamah dan didenda \$10 bagi setiap orang. Selebihnya hanya diberi amaran sahaja.³⁷ (Sila Lihat Jadual 7.3, m.s.218.)

Jadual 5.3 menunjukkan pecahan angka-angka bagi jenis-jenis kesalahan yang dicatat di bawah pencegahan kekotoran. Berdasarkan jadual ini, jumlah kesalahan yang dicatatkan pada tahun 1973 meningkat kepada 914 kes berbanding 883 kes pada tahun sebelumnya. Ini bermakna telah berlaku pertambahan sebanyak 31 kes kesalahan. Jadual ini menunjukkan kesalahan membuang kertas, kertas membalut dan kulit buah-buahan mencatat kenaikan paling ketara iaitu sebanyak 62 kes. Ini mungkin disebabkan musim buah-buahan dan perayaan Tahun Baru Cina.

Akibat perkembangan ini, LCE telah meningkatkan mutu perkhidmatan pungutan sampah-sarap dengan menyediakan perkhidmatan pungutan sampah-sarap menggunakan jentera di kawasan pusat di daerah perniagaan seperti Leboh Bishop dan Leboh Campbell.

³⁵ Di Ayer Itam, telah timbul masalah pembuangan najis merata-rata oleh lembu. Masalah ini berlanjut selama 15 tahun. Penduduk kawasan telah meminta LCE untuk menyelesaikan masalah ini. Ini menyebabkan beliau memberi kuasa kepada pihak polis untuk mangambil tindakan terhadap pemilik lembu tersebut. *China Press*, 6/12/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

³⁶ Bermula dari tahun 1972, Pasukan Penguatkuasa ini terdiri dari dua pasukan yang mana terdiri dari seorang penyelia dan lima orang buruh bagi setiap pasukan. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town* 1972, hlm.12-13.

Tempat-tempat pembuangan sampah-sarap yang buruk dimusnahkan dan menggantikannya dengan tong-tong sampah yang boleh diangkut dengan jentera. Beliau juga meminta tuan-tuan rumah supaya menyediakan dan menggunakan tong-tong sampah masing-masing supaya tidak membuang sampah-sarap ke dalam tong-tong sampah yang disediakan oleh Majlis Bandaraya George Town sahaja.³⁸ Matlamat LCE adalah melahirkan sebuah masyarakat Pulau Pinang yang mempunyai sikap ingin menjaga kebersihan negeri itu.

Pada keseluruhannya, jelas bahawa LCE telah mengambilkan beberapa langkah untuk meningkatkan mutu kebersihan dan kesihatan di negeri Pulau Pinang. Manakala, usaha-usaha yang telah pun dijalankan sebelum ini pula dipergiatkan lagi semasa era LCE misalnya usaha pencegahan nyamuk. Namun jika dikaji dari segi jumlah tan sampah-sarap yang dipungut dari tahun 1969-1974 (Jadual 7.2), maka bolah dikatakan bahawa selepas kempen kebersihan dan penguatkuasaan *Anti-Litter Laws* diadakan secara besar-besaran di Pulau Pinang pada tahun 1971, pertambahan jumlah tan sampah-sarap yang dipungut telah bertambah pada kadar yang kecil. Oleh itu, sungguhpun sampah-sarap yang dipungut itu tidak berkurangan kuantitinya tetapi yang pasti adalah LCE telah dapat mananamkan kesedaran di kalangan penduduk negeri Pulau Pinang tentang pentingnya menjaga kebersihan dalam kehidupan manusia.

³⁷ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1971*, hlm. 12-13. Kes pertama yang melanggar Anti-Litter Laws ialah membuang sebuah kotak rokok di tepi jalan. Orang berkenaan telah disaman oleh pengawai Majlis Bandaraya George Town. *Kwong Wah Jih Poh*, 9/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

³⁸ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.52.

Jadual 7.3 : Jenis-Jenis Kesalahan Yang Berkaitan Kegiatan Pencegahan Kekotoran.

Jenis Kesalahan	Tahun 1973	Tahun 1972
Membuang sampah-sarap	265	289
Membuang puntung rokok, kotak rokok dan mancis	59	47
Membuang kertas, kertas membalut dan kulit buah-buahan	480	418
Membuang tiket-tiket bas dan tiket-tiket wayang	5	1
Menjemur sawdust	12	18
Tanah yang tumpah dari lori-lori	37	25
Menyapu sampah-sarap ke dalam parit awam	55	74
Mencurah najis ke dalam parit- Parit	0	1
Halangan-halangan di tempat- tempat awam	1	10
Jumlah	914	883

Sumber : Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.65.

Pembaharuan dan Pembangunan Semula Bandar di Bandaraya George Town

Pada bulan Oktober 1970, LCE dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mula berusaha untuk mengadakan sebuah pusat bandar bagi George Town.³⁹ Bagi LCE, salah satu tujuan utama perancangan ini adalah untuk memperbesarkan kawasan bandar itu supaya dapat menjadi sebuah bandar yang besar dan moden.⁴⁰ Beliau menjangkakan saiz pusat bandaraya baru ini adalah sepuluh kali ganda saiz bandaraya yang sedia ada.⁴¹ Bagi LCE, langkah mencantumkan kemudahan-kemudahan sivik, pentadbiran dan perniagaan di dalam suatu skim pembangunan bersepadu seperti projek KOMTAR, maka ia akan benar-benar merupakan sebuah Pusat Bandaraya bagi Pulau Pinang.⁴² Bagi LCE, pelaksanaan projek seperti ini tidak harus ditangguh-tangguhkan⁴³ kerana ia dapat membawa kebaikan kepada negeri Pulau Pinang dari segi ekonomi dan sosial. Beliau juga sedar jika projek itu tidak dijalankan secepat mungkin maka kenaikan harga tanah dan kos pembinaan pada masa hadapan akan menyukarkan projek itu dilaksanakan.⁴⁴ Mengikut LCE :

The Complex Tun Abdul Razak is progressing well within the schedule. And for a major project initiated by the late Tun Abdul Razak in 1971, it is doing extremely well. It is lowest cost urban

³⁹ *Straits Times*, 18/11/70, *Kim Kwok Daily News*, 18/11/70, SP45/3230, Vol.6, No.52. Sebelum tahun 1970an, Bandaraya George Town tidak pernah mempunyai sebarang kawasan pusat bandar yang nyata. Dua kawasan yang biasa dianggap sebagai pusat bandar adalah kawasan perniagaan di sekeliling simpangan Jalan Burmah dan Jalan Penang sehingga ke simpangan di hadapan Pawangan Odean di Jalan Penang dan kawasan pentadbiran di sekitar Lebuhraya Bishop, Lebuhraya Beach dan Lebuhraya Light. "Pulau Pinang Akan Menjadi Bandar Moden," dalam *Koleksi Biro Penerangan Pulau Pinang*, 16C, 2000. Lain-lain projek pembangunan (CDA) ialah di Gater Lebuh Macallum, Kompleks Jalan Kedah, Jalan Chow Thye. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Pulau Pinang : Kenangan dan Harapan 20 Tahun Pencapaian*, hlm.29.

⁴⁰ *Kwong Wah Jih Poh*, 22/10/72, *Sin Chew Jit Poh*, 22/10/72, SP45/3233, Vol.9, No.52.

⁴¹ *Malayan Thung Pao*, 22/10/72, *China Press*, SP45/3233, Vol.9, No.52.

⁴² "Pulau Pinang Akan Menjadi Bandar Moden," dalam *Koleksi Biro Penerangan Pulau Pinang*, 16C, 2000.

⁴³ Pembangunan KOMTAR bermula dengan kesedaran tentang perlunya diadakan sebuah bandar bagi George Town. Kesedaran itu mula-mula wujud dalam tahun 1962-1963 apabila pihak Majlis Bandaraya George Town melantik sebuah firma bernama Malayan Architects Co-partnership untuk meninjau cadangan untuk membina sebuah kawasan di sekitar Jalan Prangin, Jalan Maxwell, Jalan Magazine sebagai sebuah Kompleks penjaja dan pusat sivik. *Ibid.*

⁴⁴ *Sing Pin Jit Poh*, 9/4/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

*renewal project. They have to be moved around, they have to rehabilitated and give opportunities. It must all be done very painstakingly... In addition we are trying to make use of local materials. So the urban projects support industries not only in Penang but also through out Malaysia. Everybody must understand the importance of this project as this is development in time space. If you do not start the project now, you will not have the centre in ten years' time. What we are doing is doubling commercial, financial and administrative space area in a period of ten years. And we are keeping all these areas within the city, the focus of all our plans and physical development of the state.*⁴⁵

Dengan kesungguhan seperti ini, LCE dan Majlis Bandaraya George Town melantik sebuah syarikat arkitek iaitu Jurubina Bertiga sebagai Perunding Perancangan dan Jurubina pada 17 November 1969.⁴⁶ Hasilnya, beliau menubuhkan satu Unit Perancangan Kawasan Pusat (Central Area Planning Unit).⁴⁷ Bagi LCE, tugas CAPU itu adalah membangunkan satu Pusat Bandaraya yang berperingkat, menghidupkan semula dan menggunakan kawasan-kawasan yang bersejarah dengan Bandaraya, memperbaiki sistem pengangkutan dan jalan-jalan umum, memperbaiki sivik “ landscaping ”. Unit tersebut mengumpulkan data-data perancangan yang lengkap mengenai masalah keseluruhan perancangan dan kawalan pembangunan, dan hasil dari kerja-kerja tersebut dimuatkan dalam sebuah laporan kemungkinan untuk Pusat Bandaraya yang disiapkan pada bulan Oktober 1972.⁴⁸

Dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 14 November 1973, ahli pembangkang daripada Pekemas mengencam hebat LCE kerana memberikan kerja-kerja mereka projek Pusat Bandaraya bernilai 20 juta kepada syarikat adiknya, Lim Chong Keat,

⁴⁵ “ Penang has progressed extremely well, ” in *Malaysia Business*, hlm.26.

⁴⁶ *Sing Pin Jit Poh*, 12/4/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

⁴⁷ Unit Perancangan Kawasan Pusat itu terdiri daripada 12 ahli diketuai Raymond Thong (Arkitek Bandar), Prof.K.J.Ratnam, Dr.David Gibbons. *Straits Times*, 18/11/70.

⁴⁸ Objektif-objektif lain ialah memperuntukkan kawasan-kawasan bagi pihak swasta, pembangunan, perdagangan dan lain-lain pembangunan, pemeliharaan kawasan-kawasan kediaman, satu kajian semula had “ metropolitan ”

iaitu Jurubina Bertiga tanpa melalui tender terbuka. Beliau meminta LCE memberikan penjelasan mengenai perkara itu atau melepaskan jawatan Ketua Menteri. Katanya :

*I call upon the Chief Minister to explain to the House all the reasons and if he cannot give satisfactory reason. I call upon him to resign. I would have thought that in fairness to all concerned this big project, involving \$200 millions and especially public funds should have been open to all architectural firms in our country.*⁴⁹

Bagi Pekemas, LCE mengamalkan sikap nepotisme kerana penyerahan projek itu kepada adiknya. Bagaimanapun, LCE membidasarkan kecaman Ong Yi How di persidangan yang sama. Beliau menolak tuduhan tersebut kerana baginya, pemilihan syarikat Jurubina Bertiga untuk menguruskan perancangan projek itu telah dibuat pada tahun 1963 oleh Majlis Bandaraya George Town. Oleh itu, perlantikan syarikat itu adalah tepat kerana pengalamannya dalam menguruskan projek itu.⁵⁰ Tambahan pula, bagi LCE, adiknya itu hanya salah seorang daripada pemilik syarikat itu dan sepanjang proses perancangan, pengurusan dan pelaksanaan projek mega itu melibatkan banyak pihak.⁵¹ Mengikut LCE :

*My brother is only one of the three principal partners and how much of the estimated \$20 millions fees would go to him. I honestly do not know. But I assure the House that it is not my habit to favour anyone of my family or anyone who is associated with me or simply because I like him.*⁵²


dalam hubungan dengan rancangan pembangunan di seluruh negeri. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Pusat Baru Bandaraya Pulau Pinang*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1972, hlm.2.

⁴⁹ *Straits Echo*, 15/11/73.

⁵⁰ Mengikut LCE, Syarikat Arkitek Malayan adalah juga Syarikat Arkitek Jurubina Bertiga. Antara tempoh 21 Ogos 1962 hingga 7 Februari 1963, Majlis Bandaraya George Town melantik syarikat ini merancangkan pembinaan kawasan penjaja di bandar itu. Projek itu adalah sebahagian daripada projek pembaharuan Pusat Bandaraya George Town tahun 1969. *Sing Pin Jit Poh*, 12/4/74.

⁵¹ Dua lagi pemilik syarikat Jurubina Bertiga ialah Barharuddin Abu Bakar dan Lim Chin See. *Nanyang Siang Pao*, 16/11/73.

⁵² *Straits Echo*, 16/11/73.



Gambar 7.1 KOMTAR

Kata-kata LCE itu dilihat oleh ahli pembangkang dari Pekemas iaitu Tan Phock Kin sebagai helah mengelirukan ahli-ahli dalam Dewan Negeri.⁵³ Walaupun LCE perlu berdepan dengan kritikan-kritikan daripada pihak pembangkang⁵⁴ semasa merancangkan pelaksanaan projek itu, namun, tindakan ini tidak menghalang beliau meneruskan usaha memperbesarkan kawasan bandar George Town.⁵⁵ Bagi LCE, beliau menyifatkan tindakan pihak pembangkang yang sering mengecam projek pembangunan yang dirancangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai tidak bertanggungjawab dan boleh membawa kerugian kepada rakyat negeri itu.⁵⁶ Akhirnya, bantahan pihak pembangkang tidak dapat mempengaruhi pendirian LCE.

Untuk melicinkan pelaksanaan projek Pusat Bandaraya Pulau Pinang. Pada tahun 1973, LCE telah melantik PDC sebagai pemaju projek itu yang diambilalih dari Majlis Bandaraya George Town.⁵⁷ Melalui perlantikan itu, bererti LCE kini melibatkan diri dalam projek itu sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pengurus PDC. Tujuan LCE adalah dapat memainkan peranan lebih aktif dalam pelaksanaan projek itu.

Pada 30 Mac 1973, LCE dan PDC telah melantik sebuah Konsortium Pembangunan⁵⁸ sebagai perunding untuk mereka dan melaksanakan Peringkat I projek itu. Pakar-pakar Konsortium Pembangunan telah membuat bancian yang mendalam tentang perumahan, keadaan sosial, penggunaan tanah serta aspek kewangan projek itu. Konsortium ini percaya

⁵³ *Straits Echo*, 9/4/74.

⁵⁴ Dalam persidangan Dewan Negeri Pulau Pinang pada 8 April 1974, Yeap Ghim Guan (DAP-Kelawei) meminta LCE memberikan jaminan GERAKAN tidak akan mendapat apa-apa faedah kewangan daripada projek itu. Mengikut LCE : *The GERAKAN would never looks for funds from such sources. Ibid.*

⁵⁵ Mengikut akhbar *The Sun*, sebab utama LCE beberapa kali menolak tawaran memasuki Kabinet kerana tidak sanggup melepaskan jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang memandangkan negeri itu sedang mengalami kepesatan pembangunan ekonomi terutamanya projek pembesaran Bandaraya George Town yang turut melibatkan adiknya, Lim Chong Keat sedang rancak dijalankan. *The Sun*, 26/4/74.

⁵⁶ *Sing Pin Jit Poh*, 12/4/74.

⁵⁷ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.30.

⁵⁸ Konsortium ini terdiri daripada satu golongan pakar-pakar perunding yang terdiri dari syarikat-syarikat seperti Jurubina Bertiga, Pakatan Juru Ukur Bahan Antara Bangsa, Over Arup Dan Rakan Rakan, KCP Juara Consult, Juru Nilai Malaysia. Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang, *Pusat Baru Bandaraya Pulau Pinang*, hlm.3.

pembangunan Peringkat I projek itu sahaja dapat meningkatkan pungutan hasil Majlis Bandaraya dari bangunan-bangunan yang ada dari RM\$37000 kepada RM\$1.1 juta setahun hasil daripada bangunan-bangunan baru berdasarkan kepada 16 peratus setahun. Dengan meneliti hasil bancian, kajian serta penyelidikan yang dilakukan oleh Konsortium itu, beliau percaya Pusat Bandaraya yang dicadangkan itu akan memberikan khidmat kepada lebih ramai penduduk serta memberi nafas baru seluruh pusat daerah perniagaan di Bandaraya.⁵⁹

Sementara itu, LCE juga mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Pusat untuk menjalankan projek itu kerana ia menelan kos perbelanjaan yang tinggi.⁶⁰ Oleh sebab besarnya projek ini, pelaksanaan pembangunan KOMTAR telah dirancangkan oleh LCE dalam lima fasa utama (fasa1-5) yang mana kemudiannya dibahagikan pula kepada fasa-fasa kecil.

Upacara penanaman cerucuk bagi fasa kecil pertama telah dirasmikan oleh Tun Abdul Razak pada 1 Februari 1974. Di upacara yang bersejarah itu, beliau berkata :

Tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah merintis projek ini yang bakal menjadi lambang kebanggaan Negeri dan juga Negara ini. Saya amat berpuas hati dengan perancangan projek ini yang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Projek ini akan mengubah rupa bentuk bandaraya ini, melenyapkan imej penjajahan sekaligus mengubah kepada sesuatu yang melambangkan identiti Malaysia dan kebudayaan pelbagai kaum.⁶¹

⁵⁹ Peringkat I mengandungi satu blok ‘ podium ’ setinggi empat tingkat akan meliputi seluruh kawasan ‘ tower ’ untuk pejabat setinggi 45 tingkat, satu blok rumah pangsa mengandungi 202 unit dan satu dewan serbaguna yang terletak di taman di atas bumbung meliputi seluruh kompleks. Peringkat II hingga V dianggarkan menyediakan kira-kira dua juta kaki persegi tambahan ruangan untuk perdagangan, 600 unit kediaman, kemudahan-kira-kira dua juta kaki persegi tambahan ruangan untuk perdagangan, 600 unit kediaman, kemudahan umum dan kemudahan-kemudahan untuk orang ramai, termasuk taman sekolah kanak-kanak dan sekolah-sekolah rendah. Peringkat II akan bersambung dengan Peringkat I ke Prangin Road yang merupakan satu rancangan sibuk landscaping . *Ibid*, hlm.1-2.

⁶⁰ Projek Pusat Bandaraya ini menelan kos 200 juta. *Nanyang Siang Pao*, 14/11/73.

Kata-kata Tun Abdul Razak itu menunjukkan bahawa sumbangan LCE dalam pembinaan bangunan KOMTAR⁶² telah mendapat perhatian daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi LCE, pembinaan menara KOMTAR atau ada yang menganggap ‘gajah putih’ itu penting kerana bangunan itu menjadi satu status simbol keupayaan pemerintahan beliau sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dan GERAKAN.⁶³ Ada juga pendapat dari parti pembangkang yang menganggapnya sebagai ‘Taj Mahal Dr.Lim Chong Eu’.⁶⁴

Kepentingan LCE sebagai pemimpin Pulau Pinang yang berperanan mendirikan manara KOMTAR diakui oleh akhbar *Straits Times*. Katanya :

*The KOMTAR drew a lot of critics particulary from the DAP, a pet project of the late Tun Razak and Dr.Lim. KOMTAR today stands as living monument of achievement in the greater development of landlocked Penang...In the final analysis let us realise Dr.Lim kept his promises be it KOMTAR, FTZ, Penang Bridge or any other.*⁶⁵

Maka bolehlah dikatakan, walaupun projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang dan Projek Pusat Bandaraya itu tidak sempat disiapkan pada tahun 1974 di bawah pimpinan LCE

⁶¹ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Pulau Pinang : Kenangan dan Harapan 20 Tahun Pencapaian*, hlm.29.

⁶² Projek raksasa ini diberi nama Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak. Tapak KOMTAR merangkumi kawasan seluas 11 hektar di tengah Bandaraya George Town. Pada hari ini, KOMTAR dikenali sebagai mercu tanda Bandaraya George Town dan Pulau Pinang dan telah membuktikan bahawa ia adalah sebuah pusat bandar yang berjaya. Kira-kira 5000 orang melaporkan diri bekerja di kompleks ini setiap hari, termasuk 1800 kakitangan kerajaan yang bekerja dengan kerajaan Negeri dan lain-lain perkhidmatan. Buat masa ini, kompleks ini adalah terdiri dari bangunan podium empat tingkat, sebuah blok menara 65 tingkat, sebuah bangunan meletak kereta II tingkat, sebuah hotel antarabangsa yang diswastakan dan sebuah kubah geodesic. Ini semua merupakan projek pembangunan semula bandar yang terbesar di Malaysia. Ia juga adalah merupakan bangunan tertinggi di Asia Tenggara, berdiri megah mencecah awan sebagai lambang kejayaan Pulau Pinang. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Pulau Pinang : Kenangan dan Harapan 20 Tahun Pencapaian*, hlm.28-33. Projek KOMTAR juga merupakan pusat bandar utama di Wilayah Utara yang menjadi nadi utama pentadbiran kerajaan dengan menempatkan jabatan-jabatan kerajaan negeri, persekutuan dan pihak berkuasa tempatan. *Utusan Malaysia*, 16/7/85.

⁶³ “Jambatan Pulau Pinang : Orang Melayu hendak binanya sejak 1970 lagi,” dalam *Sarina*, hlm.39.

⁶⁴ “KOMTAR Kebanggaan Pulau Pinang,” dalam *Biro Penerangan Pulau Pinang*, 16C, Pulau Pinang, 2000.

serta pelbagai bantahan dan halangan diterima oleh beliau ketika cadangan membina projek-projek itu dibuat. Tetapi LCE tetap dengan rancangan itu dan memberi jaminan pembinaannya akan memberi faedah kepada penduduk Pulau Pinang dan menjadi simbol kebanggaan rakyat negeri " Pulau Muatiara " itu. Mengikut Tengku Abdul Rahman :

*The people of Penang should be proud of the bridge. They now have tallest building in Asia, KOMTAR and the third longest bridge in the world. The bridge will also help tourism promotion efforts for the state.*⁶⁵

Kata-kata Tengku itu menunjukkan LCE seorang yang sangat teliti dalam membuat perancangan mengenai kedua-dua projek itu. Sebagai seorang yang berpandangan jauh, beliau percaya projek-projek itu penting dalam jangka panjang bagi seluruh penduduk di Pulau Pinang dan Malaysia.

Pusat Latihan Bandaraya

Selain memberikan keutamaan kepada aspek kesihatan dan pembangunan di Pulau Pinang, LCE juga telah menumpukan perhatian kepada perkembangan masa depan pemuda-pemudi terutamanya pelajar-pelajar lepasan sekolah di negeri itu. Beliau ingin perkembangan ekonomi pesat yang berlaku di Pulau Pinang dapat dirasai bersama oleh golongan ini dengan penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan.⁶⁷ Beliau menjangkakan lebih 7000 pelajar lepasan sekolah memasuki pasaran buruh di Pulau Pinang setiap tahun.⁶⁸ Bagi LCE, untuk mencapai objektif ini, pelajar-pelajar lepasan sekolah ini perlu diberi latihan khusus supaya

⁶⁵ *The Star*, 10/11/90.

⁶⁶ *Straits Echo*, 14/9/85.

⁶⁷ *Sing Pin Jit Poh*, 13/12/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

⁶⁸ *Nanyang Siang Pao*, 13/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

dapat melahirkan tenaga buruh yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal.⁶⁹ Dengan itu, beliau mula merancangkan penubuhan Pusat Latihan Bandaraya. Pusat ini telah dibuka pada 9 Februari 1970 bertempat di 57, Macalister Road. Tujuan utama penubuhan pusat ini adalah untuk menyediakan peluang pendidikan dalam bidang vokasional kepada pemuda-pemudi yang telah menamatkan pembelajaran sekolah rendah dan menengah.⁷⁰ Ini bagi memastikan golongan ini dapat bekerja sambil belajar secara sambilan. Bagi LCE, langkah ini juga merupakan satu cara untuk menyediakan tenaga manusia yang berkualiti dan berkemampuan untuk menghadapi dunia industrialisasi yang mula berkembang pesat di Pulau Pinang pada masa itu.⁷¹ Mengikut LCE :

*These pilot schemes, which would provide about 500 jobs initially, have been selected after careful study so that they would provide for greater efficiency and service to the community. The Council's job-cum-training programme would provided approximately 500 jobs initially and would be aimed particulary to provide youths, especially the first time job-seekers, with a challenge to seek a meaningful and productive employment. We will be testing out our overall concept of creation as the basis of what we learn from the two schemes. We are not tackling unemployment to create job sufficient in number to meet the needs of job-seekers in Penang. It is a positive approach.*⁷²

Daripada kata-kata ini menunjukkan LCE ingin menjadikan pusat ini sebagai tempat untuk menyediakan *In-service training* sebagai sebahagian daripada program *Jobs-cum-Training* untuk melatih anak-anak muda ini supaya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan

⁶⁹ *Nanyang Siang Pao*, 1/2/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

⁷⁰ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970*, hlm.1-3.

⁷¹ *Kwong Wah Jih Poh*, 2/2/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

⁷² *Straits Echo*, 27/8/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

dan seterusnya membolehkan mereka mempunyai peluang pekerjaan yang lebih banyak.⁷³

Sebagai seorang yang berpandangan jauh, beliau percaya pusat ini dapat menjadi perintis kepada pembinaan politeknik negeri.⁷⁴

Sebagai langkah pertama, LCE memulakan program *In-service training* ini di Bangunan Persatuan Ibubapa di Macalister Road (mempunyai keluasan 129556 kaki persegi atau 3 ekar) pada tahun 1970. Kos pengendalian ini menelan perbelanjaan sebanyak \$109000.⁷⁵

Dalam mengadakan struktur Pusat Latihan Bandaraya pula, LCE mengadakan satu Lembaga Penasihat yang berfungsi sebagai pihak yang mengkaji dan meneliti perjalanan program dalam pusat ini. Perkara-perkara yang diberi perhatian ialah cara-cara pengendalian jurusan-jurusan yang ditawarkan dalam pusat ini. Walaupun LCE sendiri tidak menganggotai lembaga ini tetapi beliau lebih berperanan sebagai perancang utama penubuhan Pusat Latihan ini. Lembaga ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Pendidikan Pulau Pinang dan terdiri daripada wakil-wakil daripada Bahagian Pendidikan, Bahagian Industri dan Perdagangan serta Kesatuan Sekerja.⁷⁶ Lembaga Penasihat ini mengandungi 24 wakil dari sektor awam dan swasta. Di bawahnya pula terdapat Lembaga Pengurusan yang anggotanya terdiri daripada kebanyakan Ketua Jabatan dalam Majlis Bandaraya.⁷⁷

Di samping itu, jurusan-jurusan yang ditawarkan dalam Pusat Latihan ini terbahagi kepada pendidikan am dan pendidikan vokasional. Pendidikan am adalah seperti kelas bahasa

⁷³ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1969*, Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang, 1970, hlm.1-3.

⁷⁴ *Straits Times*, 11/8/71, *Straits Echo*, 11/8/71, SP45/3233, Vol.9, No.52. Pada tahun 1973, PDC bersama-sama dengan Majlis Bandaraya George Town telah memulakan satu langkah untuk menukar menjadikan Pusat Latihan Bandaraya kepada sebuah Politeknik Negeri. Adalah dicadangkan bahawa sebuah politeknik yang ditubuhkan merupakan satu Yayasan Negeri untuk latihan vokasional. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.28.

⁷⁵ *Sunday Times*, 1/2/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

⁷⁶ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1969*, hlm.1-3.

khususnya Bahasa Malaysia, kelas memasak, kelas rekacipta dan sivik. Manakala kelas vokasional pula berdasarkan peperiksaan City and Guilds dari London. Jurusan-jurusan ini adalah seperti *Radio / Television Servicing, Electronic Servicing, Mechanical Engineering, Craft Practice, Auto Mechanics Work, Welding Craft Practice, Electrical Installation Work, Electrical Engineering Practice, Draughtsmanship (Building) dan Book-keeping*.⁷⁸

Dalam mengkaji sukatan pelajaran dan mutu jurusan-jurusan ini, LCE mendapatkan kerjasama daripada pihak kolej dan universiti tempatan.⁷⁹ Untuk tujuan ini, satu Jawatankuasa kecil telah dibentuk. Ia dipengerusikan oleh Prof. Chartar Singh iaitu Dekan Fakulti Sains dan Matematik dari Universiti Penang (kemudiannya ditukar nama kepada Universiti Sains Malaysia) untuk memeriksa dan menyediakan sukatan pelajaran serta menetapkan tempoh masa pembelajaran sesuatu jurusan perlu diikuti untuk melayakan seseorang penuntut menerima sijil kelulusan.⁸⁰ Beliau dengan itu tidaklah mengetepikan kepakaran dan nasihat tokoh-tokoh akademik, walaupun beliau mempunyai minat yang mendalam terhadap Pusat Latihan Bandaraya.

Di samping itu, LCE juga menyediakan kemudahan latihan bengkel yang lengkap supaya penuntut-penuntut pusat ini mendapatkan latihan praktikal secukupnya. Tiga bengkel siap dibina untuk *Welding / Sheet Metal, Ship Joinery, dan General Flitting*. Selain itu,

⁷⁷ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970*, hlm.1-3.

⁷⁸ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1969*, hlm.1-3.

⁷⁹ Straits Echo, 11/8/71.

⁸⁰ Pada umumnya, jurusan dalam Pusat Latihan terbahagi kepada tiga kategori iaitu perdagangan, pertukangan dan teknologi. Syarat kemasukan ke jurusan perdagangan memerlukan kelayakan minimum iaitu kelulusan darjah enam atau L.C.E (Lower Certificate Education). Tempoh kursus perdagangan secara sambilan memakan masa 300 jam atau dua tahun manakala tempoh pengajian kursus pertukangan secara sambilan memakan masa 800 jam atau lima tahun. Semua kursus ini adalah mengikuti sukatan pelajaran *City and Guilds* dari Institut London dan mengalami sedikit pengubahsuaian mengikut keadaan tempatan. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970*, hlm.1-3.

bengkel Electronics / T.V turut disediakan dan peralatan dalam bengkel ini ditambah dari masa ke semasa.⁸¹

Dalam mengendalikan kursus-kursus di Pusat Latihan Bandaraya. LCE mendapatkan tenaga pengajar daripada kakitangan Majlis Bandaraya, guru yang berpengalaman dari Sekolah Menengah dan Sekolah Teknik⁸² serta tenaga pengajar sukarela.

Untuk melahirkan penuntut-penuntut yang benar-benar berkualiti,⁸³ LCE juga menggunakan kepakaran asing iaitu dari negara Jerman untuk memberi tunjuk ajar kepada pelatih-pelatih Pusat Latihan ini.⁸⁴ Beliau membawa masuk tenaga pengajar sementara dari negara Jerman ke Pulau Pinang. Pada tahun 1970, perkhidmatan seramai tiga orang pengajar dari Jerman digunakan. Mereka ini adalah Mr.Siegfried Oskar Schwarzer yang mempunyai kepakaran dalam kerja-kerja *Welder* dan *Sheet Metal*. Mr.Klaus Dieter Sick yang merupakan juruteknik Radio/T.V dan Mr.Gerhard Klaus, seorang juruteknik *Ship Joinery*.⁸⁵

Tindakan LCE mendapatkan perkhidmatan tenaga pengajar dari Jerman dalam Pusat Latihan Bandaraya ini banyak memberikan pendedahan kepada penuntut pusat mengenai kemajuan teknologi negara-negara luar. Tahun 1972 merupakan tahun pengambilan tenaga pengajar dari Jerman yang paling ramai⁸⁶ kerana pada tahun tersebut menyaksikan industrialisasi di Pulau Pinang mula berkembang pesat.

Pada peringkat awal, LCE memulakan penubuhan Pusat Latihan Bandaraya ini dengan pengambilan seramai 400 pelajar bagi pengambilan yang pertama pada tahun 1970. Pelajar-pelajar baru ini merupakan mereka yang diambil bekerja oleh Majlis Bandaraya George Town

⁸¹ *Ibid.*

⁸² Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1969*, hlm.1-3.

⁸³ *Straits Times*, 11/8/71.

⁸⁴ *Sing Pin Jit Poh*, 8/6/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

⁸⁵ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970*, hlm.1-3.

⁸⁶ Pada tahun tersebut, seramai lapan orang tenaga pengajar negara Jerman digunakan. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1972*, hlm.1-8.

sebagai Parking Attendants, Lif Attendants, pemandu dan konduktor bas di bawah rancangan *Job-cum-Training*.⁸⁷ Beliau berharap Pusat Latihan ini dapat mengambil seramai 3000 pelajar pada masa hadapan dan pengambilan pelajar-pelajar baru ini tidak terhad kepada pekerja-pekerja Majlis Bandaraya George Town sahaja. Beliau juga bercita-cita memperkenalkan rancangan Pusat Latihan ini ke seluruh negeri itu dan tidak terhad di bandar George Town.⁸⁸ Oleh itu, LCE selalu meminta generasi muda di Pulau Pinang supaya mencintai dan mengutamakan ilmu pengetahuan.⁸⁹

Jadual 7.4 Bilangan Pelajar Baru Antara Tahun 1970 Hingga 1974 di Pusat Latihan Bandaraya

Tahun	Bilangan Pengambilan Pelatih Baru
1970	400
1971	380
1972	223
1973	236
1974	223
Jumlah	1,462

Sumber : Disesuaikan daripada Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970, 1971, 1972, 1973*. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan 1974*, hlm.1-3.

Berdasarkan Jadual 7.4, sejak Pusat Latihan ini dikendalikan pada tahun 1970, ia menunjukkan pertambahan pengambilan bilangan pelatih-pelatih baru setiap tahun sejajar

⁸⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 13/3/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

⁸⁸ *Malay Mail*, 13/3/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

dengan dasar pemikiran dan matlamat LCE untuk menambahkan bilangan pekerja yang berkelayakan teknikal untuk menampung keperluan sektor perindustrian yang sedang berkembang pesat.⁹⁰ Jumlah kemasukan bagi Pusat Latihan ini sejak penubuhannya pada 9 Februari 1970 ialah sebanyak 1462 orang pelatih. Dari jumlah 1462 pelatih, seramai 1055 orang telah keluar dari Pusat ini dan mencapai kejayaan lebih besar setelah mendapat kerja lain sama ada secara terus ataupun secara tidak langsung melalui Pusat ini (Sila Lihat Jadual 7.5). Matlamat LCE adalah pelajar-pelajar yang memperolehi sijil latihan dari Pusat Latihan Bandaraya ini akan mempunyai peluang pekerjaan yang lebih luas.⁹¹

Jadual 7.5 : Bilangan Pelatih Yang Keluar Dari Pusat Latihan Bandaraya Antara Tahun 1970 Hingga 1974

Tahun	Bilangan Pelatih Keluar Dari Pusat Latihan
1971	183
1972	415
1973	225
1974	232
Jumlah	1,055

Sumber : Disesuaikan dari Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970, 1971, 1972, 1973*. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang*, hlm.1-3.

Jadual 7.5 menunjukkan bilangan pelatih yang paling ramai tamat pembelajaran di Pusat Latihan Bandaraya ini adalah pada tahun 1972 iaitu seramai 415 orang. Keadaan ini

⁸⁹ *Sing Pin Jit Poh*, 4/12/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

⁹⁰ *Kwong Wah Jih Poh*, 2/2/70.

imbul kerana proses industrialisasi di Pulau Pinang paling pesat membangun pada tahun tersebut.

Jadual 7.6 : Jenis-jenis Pekerjaan Yang Diperolehi Oleh Pelatih-pelatih Yang Tamat Pengajian Di Pusat Latihan Bandaraya

Pekerjaan	Tahun	
	1972	1973
Juruteknik	26	60
Machinists, Toolmakers, Fitar-fitar	4	2
Tukang letrik	1	6
Kerani-kerani	22	18
Buruh-buruh Majlis Bandaraya	21	14
Polis	8	1
Guru	3	1
Atenden makmal	1	2
Kursus Jururawat di United Kingdom	3	1
Kursus Jururawat (Tempatan)	1	3
Pengawai Pencegah Nyamuk	4	5
Jumlah	94	113

Sumber : Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1972, 1973.*

⁹¹ Sing Pin Jit Poh, 2/2/70.

Jadual 7.6 telah menunjukkan langkah LCE menubuhkan Pusat Latihan Bandaraya telah membolehkan pelajar-pelajar lepasan sekolah ini meleburkan diri dalam pelbagai jenis pekerjaan. Selain itu, mereka juga melakukan kerja-kerja seperti tukang pelan, operator-operator telefon, pihak berkuasa air, posman, receptionist, pegawai bomba, angkatan tentera Singapura, pegawai penjara, pegawai trafik dan sebagainya.⁹² Bagi LCE, langkah menubuhkan Pusat Latihan ini dapat meningkatkan kualiti tenaga sumber manusia di Pulau Pinang⁹³ dan beliau mahu menjadikan Pusat Latihan itu sebagai sebahagian daripada rancangannya mengatasi masalah pengangguran.⁹⁴

Rancangan LCE menubuhkan Pusat Latihan ini diterima baik oleh banyak pihak yang melihat tindakan beliau ini dapat melahirkan lebih ramai pekerja yang terlatih. Misalnya, Industri Teknikal Jam dari negara Switzerland menyokong cadangan yang diberikan oleh LCE mengenai penubuhan pusat latihan membaiki jam di Pusat Latihan Bandaraya ini.⁹⁵ Di bawah arahan LCE, Pusat Latihan ini banyak menerima sumbangan yang diberikan oleh sektor swasta dalam bentuk hadiah. Misalnya, Messrs Hewlett and Packard, Malaysia Sdn.Bhd. telah menghantarkan empat unit alat penyaman udara, dua buah kipas angin dan 40 buah lampu fluorescent dan kelengkapan-kelengkapan siap dengan pepasangan yang berjumlah lebih kurang berharga \$15000. The Asia Foundation menderma kepada Pusat sebanyak 180 buah buku untuk perpustakaan. Pesuruhjaya U.S.S.R di Kuala Lumpur dan British Council masing-masing turut menderma 36 dan 420 buah buku kepada perpustakaan Pusat ini.⁹⁶ Intel (Malaysia) Sdn.Bhd pula menderma wang tunai sebanyak \$4500 kerana memakai dewan berhawa dingin di Pusat ini. G.E.C.(Radio and Television) Malaysia Sdn.Bhd turut

⁹² Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.1-3.

⁹³ Nanyang Siang Pao, 12/8/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

⁹⁴ The Star, 12/12/72, SP45/3237, Vol.13, No.52.

⁹⁵ Straits Echo, 17/5/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

menderma sebanyak \$2250 kerana sebab yang sama.⁹⁷ Adanya bantuan-bantuan seumpama ini telah meringankan beban LCE dalam menyediakan kelengkapan peralatan dan sumber kewangan Pusat Latihan Bandaraya. Dengan itu, beliau dapat memberikan tumpuan lebih berat kepada pembangunan dan kemajuan Pusat ini.

Pusat Latihan Bandaraya yang ditubuhkan oleh LCE ini juga menerima banyak kunjungan pelawat-pelawat untuk melihat sendiri perjalanan Pusat Latihan ini baik yang datang dari dalam ataupun luar negeri. Mereka ini tertarik dengan cara penubuhan dan pengendalian Pusat Latihan ini yang dikelolakan oleh LCE. Tahun 1972 menyaksikan Pusat Latihan ini menerima paling ramai kunjungan dari luar negara seperti P.T.Ceglia dan V.A.Sheehan dari Ottawa, Canada, Malcolm Craig dari St.Julians, Malta, M.Z.Mende dari Bremen, Jerman. Malahan wakil-wakil dari Universiti Jerman juga membuat kajian di Pusat Latihan ini seperti Klaus Bahnemann, Achim Schaefer dan Helmet Lohmann untuk tujuan menyediakan latihan-latihan vokasional seperti ini kepada penuntut-penuntut di Jerman.⁹⁸ Manakala pelawat-pelawat dari dalam negara pula adalah seperti Encik Fong Soon Heng iaitu Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat, Encik Jamaluddin dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, Encik Ang Cheng Bee dari Bahagian Teknik, Kementerian Pelajaran.⁹⁹ Kunjungan seumpama ini merupakan misi lawatan sambil belajar dan bertujuan mengkaji cara pengendalian Pusat Latihan ini supaya dapat digunakan pada masa hadapan.

Jadi, pada kesimpulannya, boleh dikatakan LCE menubuhkan Pusat Latihan Bandaraya bagi meneruskan cita-citanya meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di Pulau Pinang dan mengatasi masalah pengangguran. Pelatih-pelatih Pusat ini telah mendapat

⁹⁶ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.1-3.

⁹⁷ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974*, hlm.3.

⁹⁸ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1972*, hlm.1-8.

⁹⁹ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974*, hlm.2.

faedah yang besar dari pelbagai kursus yang disediakan oleh Pusat Latihan. Kursus-kursus ini telah diadakan untuk memenuhi keperluan industri dan menyediakan pelatih-pelatih ini untuk sesuatu pekerjaan yang lebih baik selepas diberi latihan. Bagi LCE, langkah mengekalkan hubungan yang baik dengan pelbagai industri yang ditubuhkan di Pulau Pinang seperti I.T.T.Robert Bosch, kilang elektronik dan sebagainya penting dalam memastikan pelatih-pelatih Pusat Latihan ini mengetahui jenis-jenis pekerjaan yang boleh didapati oleh mereka.

Ertinya, LCE melihat dirinya mempunyai tanggungjawab yang berat bagi memastikan setiap anggota masyarakat di Pulau Pinang hidup dengan selesa dan menikmati pembangunan dalam negeri yang di bawah pimpinannya. Beliau percaya kehidupan yang berkualiti adalah termasuk hidup dalam suasana yang bersih. Beliau dengan itu melancarkan kempen kebersihan secara besar-besaran. Bagi LCE, perancangan pembangunan KOMTAR pula akan membolehkan penduduk negeri mempunyai sebuah pusat bandar yang besar dan moden. Manakala, penubuhan Pusat Latihan Bandaraya adalah bertujuan melahirkan tenaga manusia yang berskil supaya mempunyai peluang yang lebih luas untuk mendapatkan pekerjaan. Kesemua ini dilakukan oleh LCE bagi meningkatkan kebajikan masyarakat.

BAB 8 : PENGGALAK PERPADUAN MASYARAKAT

Kekuatan politik perkauman di negara ini telah disedari oleh LCE sejak tahun 1951 apabila beliau menubuhkan PR. Walaupun beliau bukan seorang pendokong sentimen perkauman yang kuat, namun LCE dapat memahami masalah itu, daripada pengalaman politiknya. Kemuncak sentimen perkauman Malaysia digambarkan dalam Peristiwa 13 Mei. Insiden rusuhan kaum itu telah menguatkan keazaman LCE bagi memupuk semangat perpaduan antara kaum di Pulau Pinang. Bagi membuktikan GERAKAN bergerak ke arah itu, dua dasar penting dikemukakan oleh LCE iaitu menggalakkan dan menggiatkan penggunaan bahasa kebangsaan di kalangan masyarakat serta melaksanakan projek Jambatan Pulau Pinang bagi mengintegrasikan penduduk di Pulau Pinang dan tanah besar.

Menegapkan Proses Pembinaan-Bangsa (Nation-Building)

Dalam tempoh antara tahun 1969 hingga 1974 menyaksikan LCE mula menggiatkan usaha mendaulatkan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia. Bagi LCE, langkah ini penting lebih-lebih lagi selepas tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 kerana menunjukkan betapa rapuhnya semangat perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum itu.¹ Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja mengutamakan soal pembangunan ekonomi negeri itu tetapi juga perpaduan antara kaum dalam usaha melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu.² Beliau sedar bahawa pembangunan secara fizikal harus selaras dengan pembangunan rohani.³ Katanya :

¹ R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.466-468.

² Sing Pin Jit Poh, 1/9/72, *The Star*, 1/9/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

³ Straits Echo, 25/9/72, *The Star*, 25/9/72, Kwong Wah Jih Poh, 25/9/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

We must do everything we can to keep social development apace with the economic development taking place in our states.⁴

Maksudnya, LCE melihat kerjasama antara kaum penting dalam menjanjikan kemajuan negeri Pulau Pinang.⁵ Beliau berharap seluruh rakyat di Malaysia termasuk Pulau Pinang dapat hidup aman dan bahagia seperti adik-beradik tanpa mengira kaum, agama, bahasa dan budaya.⁶

Bagi LCE, walaupun GERAKAN merupakan sebuah parti pembangkang pada peringkat awal tetapi ia mempunyai tanggungjawab menjaga dan memelihara keamanan serta kestabilan negara ini khususnya di Pulau Pinang.⁷ Mengikut LCE :

Malaysia sekarang adalah di persimpangan jalan. Kita rakyat Malaysia, hendaklah memutuskan jalan yang manakah mesti kita pilih untuk masa hadapan. Bagi pihak GERAKAN, pilihan itu tidaklah menjadi apa-apa masalah asas. Semenjak ia ditubuhkan dalam tahun 1968, GERAKAN adalah menjadi sesuatu parti bagi rakyat Malaysia dan sebagai ahli-ahlinya, kami tidak mengalami sesuatu kesukaran untuk maju terus ke arah yang menyatupadukan rakyat Malaysia.⁸

Beliau dengan itu melihat perlunya sebuah masyarakat yang aman dan stabil bagi memajukan ekonomi di Pulau Pinang.⁹ Beliau melihat usaha menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia secara meluas di Pulau Pinang sebagai satu cara mencapai cita-cita ini kerana baginya bahasa kebangsaan ini dapat berfungsi sebagai alat penyatu bangsa.¹⁰ Ini kerana LCE yakin bahasa ini akan menjadi bahasa pengantar utama untuk masyarakat

⁴ *Straits Echo*, 24/10/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

⁵ *Nanyang Siang Pao*, 23/12/71.

⁶ *Malayan Thung Pao*, 31/8/70, *China Press*, 31/8/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

⁷ *Straits Times*, 2/11/70, *Malay Mail*, 2/11/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

⁸ "Dasar dan Matlamat Perjuangan GERAKAN," dalam *Dewan Masyarakat*, hlm.9.

⁹ *Nanyang Siang Pao*, 26/10/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

berbilang kaum di Pulau Pinang berinteraksi.¹¹ Melalui komunikasi ini, sesuatu kaum itu **berpeluang** mengetahui cara hidup, budaya tradisi dan ciri-ciri kaum-kaum yang lain.¹² Bagi LCE, keadaan ini dapat mengurangkan perasaan syak wasangka sesama kaum dalam masyarakat.¹³ Beliau percaya ketegangan kaum tidak patut dibiarkan kerana akan menimbulkan keadaan huru-hara di Malaysia. Ini berdasarkan daripada pengalamannya semasa tercetusnya Peristiwa 13 Mei.

Di samping itu, LCE juga melihat usaha menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia secara meluas dapat melahirkan identiti bangsa dan negara secara tegas.¹⁴ Bagi LCE, Bahasa Malaysia merupakan satu cara untuk mencipta satu bentuk pemikiran yang sama di kalangan anggota masyarakat. Mengikut LCE :

*Bahasa serves as common vehicle of thought.*¹⁵

Selaras dengan cita-citanya itu, LCE selalu menyeru penduduk Pulau Pinang khususnya pelajar-pelajar sekolah supaya rajin belajar bahasa tersebut kerana ia dapat mencipta identiti kebangsaan dan seterusnya mencapai perpaduan di kalangan masyarakat.¹⁶ Beliau menyifatkan adalah penting bagi generasi muda ini mempelajari Bahasa Malaysia kerana mereka merupakan bakal pemimpin negara pada masa hadapan.¹⁷ Beliau juga meminta guru-guru sekolah memberikan perhatian kepada soal ini kerana mereka merupakan pendidik

¹⁰ *Straits Echo*, 4/4/71, SP45/3228, Vol.4, No.52.

¹¹ *Kin Kwok Daily News*, 17/10/70, *Sin Chew Jit Poh*, 17/10/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

¹² *China Press*, 8/2/71, *Straits Echo*, 8/2/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

¹³ *Kwong Wah Jih Poh*, 17/10/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

¹⁴ *Straits Times*, 2/11/70, *Malay Mail*, 2/11/70, SP45/323, Vol.6, No.52. *Kwong Wah Jih Poh*, 2/9/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

¹⁵ *Straits Times*, 20/5/72, SP45/3234, Vo.10, No.52.

¹⁶ *Kwong Wah Jit Poh*, 12/10/71, *Sing Pin Jit Poh*, 22/10/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

¹⁷ *Kwong Wah Jih Poh*, 2/9/71.

bangsa dan negara.¹⁸ Untuk mempercepatkan pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di Pulau Pinang, LCE sering meminta mereka yang mempunyai penguasaan baik dalam Bahasa Malaysia supaya memberi tunjuk ajar kepada mereka yang lemah dalam bahasa tersebut.¹⁹

Di samping itu, LCE juga menyeru masyarakat Cina yang merupakan majoriti penduduk Pulau Pinang^{*} supaya tekun mempelajari Bahasa Malaysia.²⁰ Bagi LCE, masyarakat Cina mempunyai tanggungjawab memberikan ketaatan sepenuhnya kepada negara ini kerana mereka kini merupakan rakyat Malaysia dan bukan lagi rakyat negara China.²¹

Mengikut LCE :

*While the Chinese will always continue to retain deep emotional and cultural ties with China, the roots of the Malaysian Chinese sank in Malaysia, and they have responsibility to this country... Malaysians do not have to give up their cultural heritage to fulfil their responsibilities and duties as citizen. What is necessary is that they must understand clearly their past heritage and future destiny... Malaysia's destiny is your destiny.*²²

Kata-kata LCE itu menggambarkan sifat seorang nasionalis. Beliau dengan itu sangat sedar akan kehendak sebuah negara yang bersatu-padu. Bagi LCE seorang rakyat Malaysia

¹⁸ *Straits Times*, 7/6/71, *Straits Echo*, 7/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

¹⁹ *Sing Pin Jit Poh*, 6/12/70, *Straits Echo*, 6/12/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

^{*} Pada tahun 1970, jumlah penduduk Cina di Pulau Pinang ialah 435366 orang, Melayu pula 237780 orang dan India ialah 89319 orang. Pada tahun 1985, dari jumlah 954000 orang, 32 peratus orang Melayu, 59 peratus orang Cina dan 7 peratus orang India dan 2 peratus kaum-kaum lain. "Masalah Melayu Pulau Pinang : kikisan sikap malas," dalam *Sarina*, hlm.25.

²⁰ Beliau memuji Hu Yew Seah, sebuah organisasi kebudayaan Cina yang menganjurkan kelas Bahasa Malaysia untuk ahlinya dan masyarakat dan LCE mengharapkan langkah ini dipertingkatkan pada masa hadapan. *Sunday Times*, 27/12/70, *Straits Echo*, 27/12/70, SP45/3230, Vol.6, No.52.

²¹ *Sing Pin Jit Poh*, 4/10/72.

²² *Straits Echo*, 4/10/72, *The Star*, 4/10/72, *Straits Times*, 4/10/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

yang mahu disifatkan sebagai bertanggungjawab dan taat pada negara itu adalah mereka yang berusaha memupuk perpaduan dalam masyarakat dan mencipta identiti rakyat Malaysia.²³

Kesedaran ini bukan dimiliki oleh LCE seorang sahaja. Satu rombongan wakil pelajar yang terdiri daripada enam orang ahli Persatuan Bahasa Malaysia dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang diketuai Presidennya, Cik Fatimah Sham binte Hamid Tuah telah menemui LCE dan mengemukakan cadangan supaya nama Bandaraya George Town ditukarkan kepada nama Bandaraya Tanjong, manakala nama-nama tempat di Pulau Pinang menggunakan nama-nama individu terkenal seperti Dr.Sun Yat Sen, Gandhi, Sukarno, Abraham Lincoln dan Madame Curie. Alasannya ialah sebagai sebuah negara yang sudah merdeka, nama-nama yang berunsurkan kolonialisme itu tidak harus digunakan lagi. Desakan mereka termasuk menyeru rakyat Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia secara meluas serta meminta golongan atasan Melayu kerap menggunakan bahasa tersebut untuk dijadikan teladan kepada mereka yang bukan Melayu. Kumpulan ini juga diseru tidak menghantar anak-anak mereka belajar di luar negeri kerana terdapat peluang untuk belajar di dalam negeri.²⁴ Namun, LCE mempunyai kelebihan dalam soal ini. Beliau bukan sahaja menyadarinya, tetapi sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang kedua, LCE cuba mengambil langkah-langkah bagi memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di Pulau Pinang dengan cara lebih tegas.

Sebagai langkah pertama, LCE mengambil tindakan menukar kebanyakan nama jalan-jalan di kawasan Pulau Pinang ke Bahasa Malaysia dengan menterjemahkan Road kepada Jalan, Street kepada Leboh dan sebagainya, tetapi mengekalkan nama-nama asal seperti

²³ *Straits Times*, 25/12/72, SP45/3237, Vol.13, No.52.

²⁴ *Straits Echo*, 15/10/72, SP45/3236, Vol.12, No.52. Apabila LCE mencadangkan tugu Kapten Francis Light didirikan di Pulau Traffik Light Street. Cadangan ini dibidas oleh Pengerusi Partai Sosialis Rakyat Malaya iaitu Encik Kassim Ahmad. Persatuan Orang-Orang Melayu di negeri itu juga membantah cadangan ini kerana mereka berpendapat tugu tersebut harus dikekalkan di Muzium Negeri. Bagi mereka, tugu ini hanya satu simbol pihak kolonial dan bukan wira negara. Mereka mencadangkan tugu Dato Onn Jaafar (Pengasas UMNO) yang patut dipamerkan. *Straits Times*, 3/5/73, Sing Pin Jit Poh, 3/5/73, SP45/3238, Vol.14, No.52.

Northam Road ditukarkan kepada Jalan Northam dan Beach Street pula ditukarkan kepada Leboh Pantai. Manakala, jalan-jalan yang baru dibina diberi nama dalam Bahasa Malaysia secara terus.²⁵ Selain itu, LCE juga berusaha memastikan penggunaan Bahasa Malaysia di atas papan tanda dan papan tanda atas bumbung.²⁶

Bagaimanapun, LCE menghadapi beberapa masalah dalam usaha menukarkan nama jalan-jalan dan papan tanda kepada Bahasa Malaysia di Pulau Pinang. Masalah utama LCE dalam soal ini adalah kegagalan mencari nama yang sesuai bagi menggantikan nama yang sedia ada. Kesulitan ini menyukarkan penukaran sesetengah nama jalan dibuat secara serta merta. Akibatnya, pada tahun 1974, masih terdapat jalan-jalan besar di Pulau Pinang yang mempunyai nama lamanya dalam bahasa Inggeris, salah satu daripadanya ialah Penang Road dan Green Lane.²⁷

Di samping itu, LCE juga berdepan masalah penggunaan Bahasa Malaysia di atas papantanda dan papantanda atas bumbung. Masalah ini timbul kerana pembetulan perkataan Bahasa Malaysia yang dibuat oleh Majlis Bandaraya George Town kadang-kala enggan diterima oleh pihak pengiklan kerana ianya dianggap sama seperti membuat sebuah papantanda yang baru. Selain itu, wakil dari firma tersebut juga mengemukakan alasan bahawa nama yang sedia ada terdapat dalam sijil pendaftaran kedai.²⁸ Beliau terpaksa berhadapan masalah-masalah seperti ini kerana Majlis Bandaraya George Town tidak mempunyai kuasa terhadap penggunaan Bahasa Malaysia di atas papantanda dan papantanda atas bumbung.²⁹ Selain itu, papantanda itu telah pun dibuat sebelum pengiklan itu memohon

²⁵ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.1-2.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974*, hlm.2.

²⁸ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.1-2.

²⁹ Pulau Pinang, *Laporan Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974*, hlm.3.

pendapat bahagian penterjemahan.³⁰ Tambahan pula, banyak papan iklan dan papan tanda telah dipamerkan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Perancang Bandar dan Bangunan.³¹

Akibat perkembangan ini, LCE juga mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia dalam peringkat pentadbiran kerajaan. Bahasa ini telah digunakan sepanjang temuduga bagi jawatan-jawatan kosong di peringkat-peringkat berkenaan. Walaupun temuduga tersebut bukannya 100 peratus dijalankan dalam Bahasa Malaysia, namun kadar penggunaan bahasa ini di pelbagai temuduga adalah memuaskan. Selain itu, notis-notis tender dan iklan-iklan mengenai jawatan-jawatan kosong dalam perjawatan Majlis Bandaraya George Town juga diiklankan dalam Bahasa Malaysia di dalam semua akhbar tempatan.³²

Dalam satu sesi penjelasan LCE kepada pelajar-pelajar USM mengenai perkembangan penggunaan Bahasa Malaysia oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 30 September 1973, LCE mengatakan walaupun beliau berusaha menggunakan bahasa ini dalam urusan harian pentadbiran Kerajaan Negeri, namun, penggunaan Bahasa Malaysia di peringkat ini masih belum mencapai tahap memuaskan kerana hanya 60 peratus urusan kerajaan menggunakan bahasa ini dan selebihnya masih menggunakan bahasa Inggeris.³³ Masalah utama LCE dalam soal ini adalah masalah teknikal. Antaranya, di bahagian vokasional selalu tidak dapat mencari perkataan yang sesuai terutamanya istilah sains semasa membuat penterjemahan. Selain itu, beliau juga berdepan dengan masalah kekurangan penterjemah yang cekap dan efektif. Keadaan ini menyebabkan sesetengah kerja-kerja penterjemahan kepada Bahasa Malaysia tidak dapat difahami oleh pengawai-pengawai kerajaan menyebabkan mereka

³⁰ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1970*, hlm.1-2.

³¹ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1972*, hlm.1-2.

³² Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.1-2.

terpaksa merujuk semula kepada laporan asal dalam bahasa Inggeris. Dengan itu, beliau terpaksa membenarkan pengawai kerajaan yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia terus menggunakan bahasa Inggeris untuk mengelakkan kekeliruan. Malahan, LCE juga menegaskan bahawa surat-surat yang diterimanya dari Kerajaan Pusat adalah kebanyakan dalam bahasa Inggeris walaupun beliau sering mengirimkan surat kepada Kerajaan Persekutuan dalam Bahasa Malaysia.³⁴

Jadual 8.1 Keputusan-Keputusan Peperiksaan Yang Telah Diambil Oleh Kakitangan Majlis Bandaraya George Town Dari Tahun 1969 Hingga 1974

Tahun	Bilangan Yang Mengambil Peperiksaan	Bilangan Yang Lulus	Peratus Kelulusan
1969	120	71	59
1970	156	114	73
1971	165	118	72
1972	154	54	31
1973	101	49	49
1974	74	38	51

Sumber : Dipetik dari Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1969, 1970, 1971, 1972, 1973*. Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang*, hlm.1-3.

³³ Pada tahun 1971, 90 peratus surat-menurut Kerajaan Negeri adalah dalam bahasa Inggeris. *Sin Chew Jit Poh*, 1/10/73, *Malayan Thung Pao*, 1/10/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

Di samping itu, LCE juga menggalakkan lebih ramai kakitangan Majlis Bandaraya George Town mempelajari Bahasa Malaysia di kelas-kelas yang disediakan. (Sila Lihat Jadual 8.1)

Berdasarkan Jadual 8.1, walaupun terdapat ramai kakitangan Majlis yang menyahut seruan LCE dan mempelajari Bahasa Malaysia serta keputusan yang dicapai di pelbagai peringkat peperiksaan juga memuaskan. Akan tetapi, bilangan orang yang menggunakan Bahasa Malaysia dalam perbualan sehari-hari amatlah terhad. Pada amnya, ramai di antara mereka yang berkelayakan (dengan lulus peperiksaan) tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang berani bertutur dalam bahasa tersebut.³⁵ Para kakitangan bertutur dalam Bahasa Malaysia hanya apabila mereka bertemu dengan mereka yang berbangsa Melayu sahaja. Amat jarang sekali Encik Tan menggunakan Bahasa Malaysia semasa bercakap dengan Encik Maniam atau Cik Cheah.³⁶

Pada umumnya, boleh dikatakan tempoh dari tahun 1969 hingga 1974 menyaksikan kerajaan Pulau Pinang pimpinan LCE begitu bersungguh-sungguh mengembangkan perluasan penggunaan bahasa Malaysia di negeri itu. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan Pusat yang menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal. Bagaimanapun, boleh dikatakan LCE mengalami sedikit kekecewaan dalam usaha menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia secara meluas di Pulau Pinang bagi tempoh lima tahun pertama pemerintahannya di negeri itu. Ini tidak mustahil kerana tempoh ini lebih merupakan titik peralihan perubahan penggunaan bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia secara total di Malaysia termasuk Pulau Pinang.

³⁴ *Straits Echo*, 1/10/73, *The Star*, 1/10/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

³⁵ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town 1973*, hlm.1-2.

Projek Jambatan Pulau Pinang

Sejak LCE menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang pada tahun 1969, beliau telah merancangkan pelaksanaan pelbagai projek besar di negeri itu. Salah satu projek mega ini adalah pembinaan Jambatan Pulau Pinang.³⁷

Cita-cita LCE untuk melaksanakan pembinaan sebuah jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dan tanah besar bukanlah suatu yang baru. Bagi LCE, salah satu tujuan yang paling utama dalam membina Jambatan Pulau Pinang adalah perpaduan dan integrasi antara penduduk Pulau Pinang dan tanah besar. Beliau percaya jambatan inilah yang akan menjadi alat menyatukan penduduk di kedua-dua bahagian negeri itu. Beliau ingin seluruh penduduk Pulau Pinang bersama-sama membangunkan negeri itu. Keinginan LCE ini telah disuarakan semasa berkempen dalam pilihanraya 1969. Mengikut LCE :

Kami suka menjelaskan bahawa apabila GERAKAN berchakap tentang Pulau Pinang, kami memikirkan Seberang Prai dan Pulau Pinang. Kami percaya Seberang Perai dan Pulau Pinang adalah dua bahagian negeri yang satu dan kami akan mengabongkan pembangunan di kedua-dua kawasan itu dengan chara supaya faedah-faedah dari pembangunan sebarang bahagian di negeri ini meliputi lain-lain bahagian.³⁸

³⁶ Pulau Pinang, *Laporan-Laporan Tahunan Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974*, hlm.3.

³⁷ Terdapat cadangan menamakan jambatan ini Jambatan Dr.Lim Chong Eu oleh penyokong GERAKAN. Naman-nama lain yang dicadangkan ialah seperti Jambatan Mutiara, Jambatan Tun Abdul Razak dan Jambatan Datuk Seri Dr.Mahathir Mohamad. "Jambatan Pulau Pinang : Orang Melayu hendak binanya sejak 1970 lagi," dalam *Sarina*, hlm.44. Projek-projek lain ialah seperti pembinaan bangunan KOMTAR, penubuhan Zon Perdagangan Bebas. *The Star*, 10/11/90. Jambatan Pulau Pinang sepanjang 13.5 kilometer yang merintangi Selat Selatan ini dirasmikan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam pada 14 Sepember 1985 dengan memandu sendiri kereta Proton Saga memakai nombor Proton 1000 berwarna biru metalik. Bersama Datuk Musa dalam kereta tersebut ialah LCE, Menteri Kerja Raya, Datuk S.Samy Vellu dan anggota EXCO kanan, Datuk Khor Gark Kim. Datuk Musa mengatakan jambatan ini merupakan simbol kemajuan dan pembangunan pesat ekonomi dan rakyat terutamanya di Pulau Pinang harus berbangga dengan kejayaan itu. Datuk Samy Vellu pula berkata, jambatan itu akan mengimbangi pembangunan ekonomi di antara tanah besar dan pulau itu. *Utusan Malaysia*, 15/9/85.

³⁸ *Berita Harian*, 8/4/69.

Bagaimanapun, idea pembinaan Jambatan Pulau Pinang itu bukanlah ilham LCE sendiri. Sebenarnya terdapat pelbagai pendapat mengenai bila dan siapakah yang mula mencadangkan pembinaan jambatan ini. Bagi LCE, cadangan pembinaan jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dan tanah besar telah wujud sejak tahun 1949 lagi. Tetapi kata sumber lain, tuan-tuan Inggeris ketika itu kurang setuju kerana mereka takut terlalu ramai *natives* (penduduk tempatan) dari tanah besar datang mencemarkan pulau tempat tinggal mereka dan mereka tidak mahu menghabiskan wang yang banyak di tanah jajahan. Mereka melihat lebih baik wang itu dibawa balik ke England. Impian membina jambatan ini timbul tenggelam sehingga tahun 1969 apabila LCE dan GERAKAN berjanji akan membina jambatan itu sekiranya parti itu menang dalam Pilihanraya 1969 di Pulau Pinang.³⁹

Namun, ada pendapat lain mengatakan idea ini diasaskan oleh Perdana Menteri kedua Malaysia, Tun Abdul Razak dan perancangan dimulakan pada tahun 1960.⁴⁰

Bagi Syed Abbas pula, cadangan membina Jambatan Pulau Pinang dibuat oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu pada tahun 1967 kerana sedar negeri itu memerlukan jambatan ini memandangkan keadaan feri yang semakin sesak dan semakin bertambahnya para pelancong ke negeri tersebut. Bagaimanapun, cadangan ini tergendala kerana ditolak oleh pihak Economic Planning Units (EPU) di Jabatan Perdana Menteri.⁴¹

Sesungguhnya, memang sukar menentukan pendapat yang mana satu benar-benar tepat, ini kerana masing-masing mengemukakan alasan yang agak kukuh.. Walau bagaimanapun, penulis percaya bahawa cadangan pembinaan jambatan ini telah dibangkitkan

³⁹ Berita Harian, 31/3/87.

⁴⁰ Chin Fung Kee, *The Penang Bridge : Planning, Design and Construction*, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hlm.vi. Mengikut Tun Abdul Razak: *Hasil Pulau Pinang hanya 15 juta setahun sedangkan jambatan yang dirancang itu menelan belanja tidak kurang dari 74 juta. Kalau GERAKAN berkuasa di Pulau Pinang, dimanakah ia hendak cari wang untuk projek itu.* Berita Harian, 18/4/69.

⁴¹ " Jambatan Pulau Pinang : Orang Melayu hendak membinanya sejak 1970 lagi , " dalam Sarina, Jun 1985, hlm.38-40.

sebelum tahun 1969 dan ia hanya menjadi jelas apabila dimasukkan ke dalam manifesto GERAKAN pimpinan LCE di Pulau Pinang dalam Pilihanraya 1969.

Di samping faktor menyatukan penduduk di kedua-dua bahagian Pulau Pinang, LCE sangat sedar dengan pergantungan kepada perkhidmatan feri^{*} sebagai penghubung utama kedua-dua bahagian Pulau Pinang (George Town dan Seberang Prai) adalah tidak tepat kerana pengguna perkhidmatan feri yang semakin bertambah. Mengikut akhbar *Straits Echo* :

In 1971, more than 15.4 million passengers and 3.9 million vehicles used the service which had only six ferries.⁴²

Selain daripada itu, bagi LCE, pembinaan jambatan ini adalah selaras dengan langkah Kerajaan Negeri membangunkan Seberang Prai seperti Butterworth, Bagan Serai, Bukit Mertajam dan Kuala Muda supaya rancangan pembangunan tidak hanya terhad di George Town.⁴³ Oleh itu, bagi LCE, corak pembangunan ekonomi ini menyebabkan 30 peratus penduduk di Pulau Pinang bekerja di Provinsi Wellesley pada tahun 1973. Beliau dengan itu sedar akan kehendak sebuah jambatan bagi memudahkan perhubungan pengangkutan kedua-dua kawasan ini.⁴⁴ Beliau juga percaya dengan adanya jambatan ini, ia dapat menarik minat pelabur asing untuk ke Prai kerana barang-barang yang perlu dieksport melalui pengangkutan udara boleh diantar dari tanah besar ke Bayan Lepas dengan mudah.⁴⁵ Bagi LCE, masalah

* Perhubungan antara Seberang dan Pulau sejak 1786 iaitu ketika Pulau Pinang diserahkan kepada British oleh Kesultanan Kedah, berbagai cara digunakan oleh penduduk ketika itu untuk membuat perhubungan sehari-hari. Bermula dengan sampan atau tongkang, perkhidmatan perhubungan jalan laut telah berkembang kepada ‘feri’ yang menggunakan lanci-lanci kecil berkuasa wap diikuti penggunaan kapal perisai pendarat seterusnya kepada feri yang ada sekarang. Perkhidmatan feri sepenuh masa di Pulau Pinang bermula dalam tahun 1893/94 oleh mendiang Quah Beng Kee dan saudara-saudaranya antara jeti Kedah di Pulau Pinang dan beberapa tempat pendaratan di Seberang Prai. *Utusan Malaysia*, 15/9/85.

⁴² *Straits Echo*, 14/9/85.

⁴³ *Sing Pin Jit Poh*, 23/10/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

⁴⁴ *Sin Chew Jit Poh*, 29/4/73, SP45/3238, Vol.14, No.52.

⁴⁵ Chin Fung Kee, *The Penang Bridge : Planning, Design and Construction*, hlm.iv.

perhubungan pengangkutan antara Pulau Pinang dan Tanah Besar tidak patut dibiarkan kerana akan menimbulkan kesulitan kepada penduduk tempatan dan pelabur asing di Pulau Pinang.

Ini semua menyebabkan LCE melihat pembinaan Jambatan Pulau Pinang merupakan satu projek pembangunan yang amat penting. Mengikut LCE :

The Penang state Government's concept of the permanent linkage between Penang and the mainland is part of a multi-purpose project of reclamation of the coast, the Middle bank and the construction of a new coast linking the present city area to the airpot⁴⁶

Walaupun cadangan pembinaan jambatan ini bukan lahir daripada idea LCE. Namun, beliau merupakan orang yang paling sibuk merancang dan melaksanakan projek ini.⁴⁷ Pada tahun 1969, LCE mengumunkan Kerajaan Negeri akan berusaha membina Jambatan Pulau Pinang secepat mungkin.⁴⁸ Beliau menerima banyak tawaran syarikat-syarikat asing dari Belanda, Jepun, Perancis, Korea dan Amerika Syarikat untuk membina jambatan ini.⁴⁹ Misalnya, wakil sebuah syarikat Jepun Sumitomo Shoji Kaisha iaitu K.Kato dan H.P.Seow telah menemui LCE dan menyatakan kesediaan membina jambatan ini yang menelan kos 70 juta dan masa pembinaan diperlukan ialah tiga tahun. Beliau juga menerima tawaran sebuah syarikat Belanda yang sedia membina jambatan ini secara percuma dengan syarat kutipan tol dikenakan selama 17 tahun.⁵⁰ Sebuah syarikat Amerika Syarikat pula menawarkan LCE untuk membina jambatan ini dengan kos 60 juta dengan syarat perbelanjaan ini perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh 20 tahun dengan kadar faedah tahunan lapan peratus.⁵¹

⁴⁶ *Straits Echo*, 16/2/71.

⁴⁷ *Sin Min Ryh Baw*, 7/6/69, *Kin Kwok Daily News*, 7/6/69, *China Press*, 7/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52.

⁴⁸ *Straits Times*, 30/8/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

⁴⁹ *Straits Echo*, 14/9/85.

⁵⁰ *Sunday Times*, 21/9/69, *Sunday Mail*, 21/9/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

⁵¹ *Sing Pin Jit Poh*, 23/11/69, SP45/3227, No.52.

Bagaimanapun, tawaran-tawaran lumayan ini tidak menyebabkan LCE bertindak terburu-buru untuk melaksanakan pembinaan jambatan ini kerana beliau lebih mengharapkan kerjasama daripada Kerajaan Pusat memandangkan projek ini menelan kos yang tinggi dan memerlukan perancangan yang teliti.⁵² Beliau juga yakin akan mendapat bantuan Kerajaan Persekutuan khususnya dari segi kewangan kerana Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman pernah menegaskan pada 6 Mei 1969 yang beliau akan membina sebuah jambatan menghubungkan Pulau Pinang dan tanah besar yang menelan perbelanjaan 70 juta.⁵³ Harapan LCE adalah rancangan pembinaan Jambatan Pulau Pinang dapat diselesaikan sebelum tahun 1974.⁵⁴ Bagi LCE, projek pembinaan ini penting kerana ia adalah janji beliau dan GERAKAN kepada rakyat Pulau Pinang dalam Pilihanraya 1969.⁵⁵

Kesungguhan LCE dan Kerajaan Negeri dalam membina Jambatan Pulau Pinang bagaimanapun disambut sepi oleh pihak pembangkang di Pulau Pinang. Bagi Yeap Ghim Guan dari DAP, beliau sanggup terjun dari jambatan ini jika ia dapat dibina pada tahun 1974.⁵⁶ Naib Pengurus Pekemas cawangan Dato Keramat, Tan Seng Keat meminta LCE memberi jaminan kepada penduduk Pulau Pinang yang jambatan ini akan dibina kerana sebelum ini tidak ada jaminan daripada LCE dan mana-mana ahli GERAKAN.⁵⁷ Parti Perikatan di Pulau Pinang pula menyifatkan projek ini hanya satu impian LCE sahaja.⁵⁸

Mengikut Pengurus Pekemas, Tan Phock Kin :

⁵² “ Ucapan Dr.Lim Chong Eu di Pulau Pinang pada 16 Julai 1971,” dalam Lim Choon Choo, *Koleksi Teks Ucapan Dr.Lim Chong Eu*, hlm.14.

⁵³ *Straits Echo*, 14/9/85.

⁵⁴ *Kwong Wah Jih Poh*, 4/10/69, SP45/3227, Vol.3, No.52.

⁵⁵ *Malayan Thung Pao*, 3/3/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

⁵⁶ *Kwong Wah Jih Poh*, 2/4/98.

⁵⁷ *Straits Echo*, 25/3/73, SP45/3237, Vol.13, No.52.

⁵⁸ *Kin Kwok Daily News*, 21/12/70, SP45/3230, Vol.6, No.52. *Kwong Wah Jih Poh*, 19/5/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

*Four years is a long time to wait. I would be much happier to see Prime Minister driving in first pile for the bridge rather than for the new urban centre.*⁵⁹

Bidasan seperti ini tidak melemahkan semangat LCE untuk membina Jambatan Pulau Pinang. Akhbar *Sin Min Ryh Baw* misalnya telah memberikan pujian tinggi kepada LCE kerana memiliki sikap yang tegas walaupun selalu diejek semasa ingin membina jambatan ini.⁶⁰ Sebaliknya, LCE menjadikan kecaman itu sebagai faktor yang menekan beliau mendorong Kerajaan Pusat mempercepatkan pembinaan Jambatan Pulau Pinang.

Pada tahun 1971, LCE telah menggesa Perdana Menteri baru, Tun Razak Hussein, membuat keputusan segera mengenai pembinaan jambatan ini.⁶¹ Malahan LCE telah mencabar Kerajaan Pusat bahawa jika semua urusan ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri pimpinan GERAKAN maka pelaksanaan pembinaan ini dapat dimulakan dalam masa tiga bulan.⁶² Bagi LCE, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia mengambil alih tugas membina jambatan ini sekiranya Kerajaan Pusat gagal menanggung kos pembinaan itu.⁶³ Beliau terpaksa bersikap begitu kerana bimbang dengan sikap Kerajaan Pusat yang mungkin tidak bersungguh-sungguh melaksanakan perojek pembinaan ini kerana GERAKAN masih sebuah parti pembangkang. Sebagai seorang yang benar-benar ingin membina Jambatan Pulau Pinang, LCE mahu menentukan projek ini dijalankan dengan sempurna, sesuai seperti yang dirancangkan. Tindakan Kerajaan Pusat melantik sebuah Syarikat Perunding dari Britain bagi

⁵⁹ *The Star*, 3/1/74, SP45/3140, Vol.16, No.52.

⁶⁰ *Sin Min Ryh Baw*, 16/8/94.

⁶¹ *Berita Harian*, 31/3/87.

⁶² *Kwong Wah Jih Poh*, 19/5/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁶³ *Malayan Thung Pao*, 3/3/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

menjalankan kajian *pre-feasibility* pembinaan jambatan ini pada 22 Jun 1970⁶⁴ tidak dapat memuaskan hati LCE yang ternyata inginkan lebih dari itu.

Pada 28 Jun 1971, LCE mengumunkan secara rasmi bahawa Kerajaan Pusat setuju membina satu *linkage permanent* antara Pulau Pinang dan tanah besar. Akibatnya, satu Jawatankuasa Tertinggi yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail* dibentuk bagi mengkaji pelaksanaan projek Jambatan Pulau Pinang.⁶⁵ Ia dikenali sebagai Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perhubungan (JKKP) dan Jemaah Menteri.⁶⁶ Sebagai pemimpin Pulau Pinang, LCE juga menjadi salah seorang ahli jawatankuasa itu.⁶⁷ Dengan keanggotaannya itu, beliau sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dapat mengikuti dengan lebih dekat pendekatan-pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Pusat bagi melaksanakan projek ini. Bagimanapun, LCE sentiasa patuh kepada setiap keputusan yang dibuat oleh JKKP.⁶⁸

Pada bulan November 1971, LCE dan JKKP melantik sebuah syarikat perunding Denmark, Christiani and Nielsen untuk menjalankan *feasibility studies* projek ini. Kajian awal ini terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat I termasuk mengkaji jenis *linkage* dan *alignment* yang sesuai dengan mengambil kira pelaburan yang diperlukan dan kos operasi serta faedah yang boleh diperolehi. Peringkat II pula merangkumi pengkajian semula

⁶⁴ Delegasi terdiri daripada 50 orang ini diketuai oleh K.C.W.James. Kajian dibuat bagi menentukan sama ada *linkage* ini berbentuk jambatan atau terowong. Anggota delegasi ini terdiri daripada jurutera dan ahli ekonomi. Mereka juga menemuduga pengguna perkhidmatan feri bagi mendapatkan pandangan lebih jelas. *Malays Mail*, 11/6/70, SP45/3229, Vol.5, No.52. *Straits Echo*, 14/9/85.

* Pengurus Jawatankuasa ini diambil alih oleh Tun Razak pada tahun 1973 akibat kematian Tun Dr.Ismail pada bulan Ogos tahun tersebut. *Nanyang Siang Pao*, 1/10/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

⁶⁵ *Sing Pin Jit Poh*, 29/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁶⁶ Maklumat Mengenai Projek Kereta Nasional (Proton Saga), Projek Jambatan Pulau Pinang dan Dayabumi, 1987. [Bahan Tidak Bercetak]

⁶⁷ *Sing Pin Jit Poh*, 29/6/71.

⁶⁸ Bagi LCE, beliau menyerahkan segala soal pembinaan jambatan ini kepada Kerajaan Pusat. Beliau menegaskan tidak dapat memberikan tarikh sebenar pembinaan Jambatan Pulau Pinang kerana keputusan ini tertakluk kepada Kerajaan Persekutuan. *The Star*, 28/12/73, SP45/3240, Vol.16, No.52. Mengikut *Straits Times* : Referring to the bridge linkage between Penang Island and the mainland, Dr.Lim thanked Tun Abdul Razak for statements and in public, that the Federal Government had agreed in principle to implement the project. *Straits Times*, 20/11/73, SP45/3240, Vol.16, No.52.

alignment yang dipilih, kos dan masa untuk mereka dan membina jambatan ini. Laporan terakhir badan perundingan ini siap pada bulan Oktober 1974. Laporan ini mencadangkan pembinaan sebuah *low level bridge*.⁶⁹

Di samping itu, LCE juga berperanan sebagai jurucakap JKKP di Pulau Pinang. Beliau dari semasa ke semasa memberitahu kepada penduduk Pulau Pinang mengenai keputusan-keputusan yang dibuat oleh JKKP. Misalnya, pada 27 Disember 1971, LCE menegaskan kajian teliti JKKP terhadap projek jambatan ini akan bermula pada 1 Januari 1972.⁷⁰ Pada 11 April 1974, LCE sekali lagi mengatakan JKKP memberi persetujuan bahawa Jambatan Pulau Pinang pasti akan dibina dan jambatan ini adalah *high level bridge*.⁷¹ Beliau amat berhati-hati dengan peranannya ini. Katanya :

Saya ingin menjelaskan secara ringkas di sini bahawa kerja-kerja perancangan projek jambatan ini sudah dijalankan untuk satu tempoh masa tertentu. Kajian teliti mengenai projek ini masih dijalankan dan keputusan muktamad masih belum dicapai. Oleh itu, saya tidak dapat membuat apa-apa penjelasan mengenainya setakat ini..⁷²

Walaupun projek pembinaan jambatan ini tidak dapat disiapkan pada tahun 1974.⁷³ Namun, tempoh antara tahun 1969 hingga 1974 adalah penting. Tempoh ini menyaksikan kesungguhan LCE dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil langkah yang tegas untuk

⁶⁹ Chin Fung Kee, *The Penang Bridge : Planning, Design and Construction*, hlm.1-2.

⁷⁰ *The Star*, 14/9/85.

⁷¹ *Nanyang Siang Pao*, 12/4/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

⁷² *Nanyang Siang Pao*, 10/4/74, SP45/3241, Vol.17, No.52.

⁷³ Pada bulan Jun 1978, kira-kira dua tahun menjadi Perdana Menteri, Tun Hussein Onn meluluskan pembinaan jambatan itu dan melantik dua pakar perunding-Howard Needles (Amerika Syarikat) dan Jurutera Konsultant (Malaysia) untuk mereka bentuk jambatan itu. Mereka dibayar \$ 9.2 juta. Pada November tahun itu, anggaran awal meletakkan kos jambatan itu \$ 359 juta. Howard Needles dan Jurutera Konsultant mengemukakan lima rekabentuk pada Januari 1979. Pada bulan Julai 1980 kerja-kerja menambah pintu masuk jambatan itu dimulakan dan pada bulan Januari 1981, beberapa bulan sebelum Tun Hussein Onn bersara. Kementerian Kerja Raya memanggil tender membina jambatan itu. Pada 18 November 1981, Syarikat Hyundai dari Korea Selatan diberi

melaksanakan projek raksasa ini walaupun terpaksa menerima ejekan daripada parti pembangkang negeri itu. Mengikut ahli Parlimen kawasan Penang Selatan, T.S.Gabriel :

*The people of Penang should be grateful to the Chief Minister,
Dr.Lim Chong Eu, who is the architect of this project.*⁷⁴

Peranan LCE sebagai pendesak kuat kepada Kerjaan Pusat bagi meluluskan projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang memang amat dirasai. Matlamat LCE membina jambatan ini adalah sangat penting.⁷⁵ Beliau berharap melalui jambatan seperti ini dapat membawa keselesaan hidup kepada seluruh penduduk di seluruh Pulau Pinang. Mengikut akhbar *The Star* :

*Dr.Lim drew inspiration from poverty. He reclaimed land from the opposition edges of the Penang island and the mainland to bring them bigger and closer. The Penang Bridge, the third longest in the world, was not only to align but to annex the hinterland into a greater economy zonal configuration. The bridge was not the most popular pipedream of Chong Eu not only with the opposition but also with some fractious factions of the barisan, but he weathered his critics dry.*⁷⁶

Selain itu, LCE sendiri juga menjalinkan kerjasama yang erat dengan Kerajaan Pusat dengan harapan projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.⁷⁷ Perbincangan secara

kontrak utama membina jambatan itu. Jambatan itu siap pada 26 Julai 1985 dan pada 2 Ogos tahun itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.Mahathir Mohamad menyeberangi dengan Proton Saga. *Berita Harian*, 13/3/87.

⁷⁴ *The Star*, 3/1/74, SP45/3240, Vol.16, No.52.

⁷⁵ Sebanyak 15751 buah kenderaan telah menggunakan Jambatan Pulau Pinang pada 7 jam yang pertama pada hari perasmian jambatan ini pada 14 September 1985 iaitu 7974 buah dari arah Tanah Besar, 7777 dari arah Pulau. *Straits Echo*, 15/9/85. Selain itu, LCE menjangkakan 50000 orang akan menggunakan jambatan itu sehari. "Jambatan Pulau Pinang : Orang Melayu hendak binanya sejak 1970 lagi," dalam *Sarina*, hlm.43.

⁷⁶ *The Star*, 10/11/90.

⁷⁷ " Ucapan Dr.Lim Chong Eu di Pulau Pinang pada 16 Julai 1971, " dalam Lim Choon Choo, *Koleksi Teks Ucapan Dr.Lim Chong Eu*, hlm.14.

berperingkat-peringkat sering diadakan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat serta pertimbangan yang serius dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Mengikut LCE :

The bridge is a physical symbol of the close ties between state and federal government. The project has demonstrated the closer cooperation between the State Government and Kuala Lumpur..⁷⁸


Walaupun harapan LCE melihat Jambatan Pulau Pinang siap dibina pada tahun 1974 meleset, beliau telah membuat satu usaha untuk mengadakan kerjasama politik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat bagi menjayakan projek ini. Usahanya ini adalah yang pertama kali pernah dicuba oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.⁷⁹ Sebagai usaha permulaan, banyak masalah yang dihadapi yang merumitkan pelaksanaan projek ini. Bagaimanapun, halangan-halangan ini tidak melemahkan semangat LCE untuk meneruskan cita-cita beliau itu.

Pada keseluruhannya, sebagai seorang yang menghargai keamanan masyarakat, LCE melihat langkah terbaik ke arah itu ialah menyatupadukan masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum. Untuk tujuan itu, beliau menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Malaysia di kalangan masyarakat. Selain daripada itu, LCE juga berusaha mengintegrasikan penduduk di Pulau Pinang dengan tanah besar dengan meningkatkan sistem pengangkutan di kedua-dua bahagian tersebut. Oleh itu, LCE telah melaksanakan projek

⁷⁸ *Straits Echo*, 14/9/85.

⁷⁹ Datuk Syed Abbas menceritakan bagaimana Ketua Menteri Pulau Pinang pertama, Wong Pow Nee merasa terkejut apabila diberitahu harga pembinaan jambatan itu menelan kos sebanyak 60 juta. " Jambatan Pulau Pinang : Orang Melayu hendak binanya sejak 1970," dalam *Sarina*, hlm. 43.

pembinaan Jambatan Pulau Pinang. Ini adalah langkah-langkah melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu.



Gambar 8.1 Jambatan Pulau Pinang

Penutup

Kepentingan LCE dalam arus kerancakan politik Tanah Melayu dan Malaysia tidak dapat dinafikan. Sebagai pemimpin Pulau Pinang, beliau berusaha meletakkan dan menetapkan kedudukan politik dan pembangunan ekonomi negeri itu kepada landasan yang terbaik. Ini selaras dengan cita-cita LCE untuk menjaga kebijakan masyarakat dan meningkatkan keselesaan hidup mereka. Sebagai pemimpin kebangsaan pula, beliau menjadikan idea kerjasama politik antara kaum sebagai mendasari kerangka pemikiran politiknya. Konsep inilah yang dititikberatkan dalam kehidupan politiknya nanti.

Beliau menggalakkan masyarakat Cina menerima kerakyatan kebangsaan Tanah Melayu yang berteraskan rakyat berbilang bangsa. Melalui taraf kerakyatan ini, beliau ingin masyarakat Cina memberi ketiahan dan menyumpah taat setia kepada negara yang diduduki, di samping tidak melupakan asal-usul dan kebudayaan mereka. Ertinya, beliau tidak ‘ hilang punca ’ sebagai pemimpin masyarakat Cina walaupun pendirian politiknya adalah berkerjasama dengan semua kaum dalam politik Malaysia. Inilah bentuk dan corak kepimpinan LCE yang sebenarnya sehingga tahun 1974.

Pendidikan yang diterima oleh LCE di sekolah Inggeris dan di England memberi kesan besar terhadap pemikiran politiknya yang bersifat kebaratan iaitu mempunyai sikap terbuka dan kritikal. Ini menyebabkan LCE menjadi seorang pemimpin politik yang sangat rasionalistik sekali. Beliau meletakkan kepentingan negara sebagai idea politik utama yang mengatasi segala-segalanya.

Kepentingan LCE dalam kegiatan politik bermula dengan penglibatannya dalam PR sebagai Naib Presiden semasa menujuhkan parti ini pada tahun 1951. Walaupun beliau hanya menjadi orang kedua penting dalam PR, tetapi sumbangan dan kerja keras

beliau dalam penubuhannya tidak dapat diragukan. Beliau dianggap sebagai tokoh politik yang berbakat besar. Beliau melihat ini satu peluang untuk membina tapak bagi mencipta nama dalam dunia politik tempatan. Minatnya untuk menegakkan idealogi kerjasama antara kaum menjadi cukup ketara sekali sewaktu beliau menjadi pemimpin PR. Di bawah pimpinan LCE, PR telah mencapai kemenangan besar dalam Pilihanraya Bandaran George Town 1951.

Bagaimanapun, LCE kemudiannya menyertai MCA. Faktor utama mendorong LCE melakukan tindakan politik ini kerana sambutan masyarakat kepada PR merosot disebabkan mereka lebih berminat kepada perkauman. Beliau menyedari hal tersebut. Maka untuk meneruskan minat dan cita-cita berpolitik itu, LCE telah memasuki MCA. Ini kerana MCA adalah mewakili masyarakat Cina di Tanah Melayu, iaitu sebuah parti politik yang berada di bawah pengaruh Tan Cheng Lock.

Akhirnya, MCA mempengaruhi dasar politik LCE. Ketika itu terdapat perpecahan pendekatan politik dalam MCA iaitu kumpulan *moderate*, kumpulan ekstremis dan mereka yang menerima padangan kedua-dua kumpulan ini. Manakala LCE tergolong dalam kumpulan ketiga kerana beliau merupakan campuran nilai tradisional dan moden yang berguna bagi kepentingan negara dan orang Cina. Beliau disokong oleh beberapa buah persatuan sekolah Cina dan pemimpin dari berbagai persatuan dan Kesatuan Perdagangan China telah mendesak supaya bahasa Kuo Yu dijadikan salah satu bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan melalui sistem pendidikan Cina. Tuntutan ini dibuat oleh LCE yang mengetuai kumpulan berpendidikan Cina dalam MCA.

Namun beliau percaya desakan ini harus dibuat dengan pendekatan yang sederhana dan beliau menentang kekerasan digunakan kerana ingin semua masalah ini

diselesaikan dalam suasana yang aman damai dan tidak menimbulkan kekacauan sehingga menjaskan keamanan negara.

Pendirian politik dalam isu pendaulatan bahasa Cina dan pembelaan sekolah Cina sebagai sekolah kebangsaan telah membolehkan beliau kemudiannya dipilih sebagai Presiden MCA pada tahun 1958. Bagaimanapun kerana isu bahasa dan pendidikan inilah juga telah menanam benih permusuhan LCE dengan kumpulan propendaulatan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dalam MCA yang diketuai Tan Siew Sin dan konflik terbuka dengan kepimpinan Perikatan dan UMNO. Akhirnya, LCE tewas dalam persaingan kuasa dengan golongan moderate yang dipimpin oleh Tan Siew Sin menyebabkan beliau meletak jawatan sebagai Presiden MCA pada tahun 1959. Beliau menerima tampanan hebat kerana insiden ini sehingga LCE mengambil keputusan untuk berundur dari kancang politik selama lebih kurang tiga tahun.

Beliau hanya kembali semula dalam dunia politik apabila menubuhkan UDP pada tahun 1962 dengan sokongan bekas sekutunya dalam MCA seperti Chin See Yin, Quek Kai Dong dan Tan Suan Kok. Dalam UDP, LCE menjadikannya sebuah parti yang mengabungkan semua bangsa di Tanah Melayu sebagai anggotanya. Bagaimanapun, kegiatan parti ini hanya terhad di kawasan yang mempunyai majoriti penduduk Cina seperti Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka kerana kebanyakan pemimpin utama UDP berasal dari negeri-negeri ini. Keadaan ini telah menyebabkan UDP menjadi sebuah parti yang tidak begitu kuat. Ertinya, pendekatan LCE untuk membentuk sebuah parti bagi semua kaum terlalu ideal untuk dilaksanakan pada masa itu.

Beliau juga ingin bekerjasama dengan bangsa lain bagi memperolehi kestabilan negara tetapi pada masa yang sama memastikan kepentingan orang Cina sentiasa

terpelihara. Menyedari hakikat bahawa UDP tidak mampu untuk bergerak secara bersendirian, LCE dari semasa ke semasa melahirkan minat untuk bekerjasama dengan parti pembangkang lain bagi membentuk satu barisan bersatu anti Perikatan.

Namun, pandangan LCE bukan pandangan semua pemimpin dalam UDP; sesetengah pemimpin UDP seperti Chin See Yin dan Quek Kai Dong lebih minat menjadikan parti ini parti perkauman yang mewakili semata-mata kepentingan orang Cina. Kumpulan *ultras* ini juga membantah tindakan LCE ingin bekerjasama dengan parti pembangkang lain. Kesemua ini menyumbang kepada berlakunya perpecahan dan konflik dalaman UDP, seterusnya melemahkan lagi parti itu. Walaupun LCE menang dalam perebutan kuasa ini, namun, beliau gagal membendung masalah kemerosotan pengaruh UDP.

Kegagalan UDP jelas terbayang dalam Pilihanraya Umum 1964 apabila parti ini hanya menang satu kerusi Parlimen di Pulau Pinang melalui LCE sendiri. Manakala empat lagi kerusi ADUN juga di negeri yang sama. Maruah politik LCE benar-benar tercemar dalam pilihanraya itu. Kegagalannya dalam pilihanraya ini memaksa LCE mencari kerjasama dengan pemimpin PAP iaitu Lee Kuan Yew yang menukuhkan *Malaysian Solidarity Convention (MSF)* berteraskan konsep ‘*Malaysian Malaysia*’. Beliau berharap penyertaan dalam MSF akan dapat memulihkan pengaruh politiknya. Cita-cita LCE itu sekali lagi musnah apabila MSF itu sendiri hilang fungsinya setelah Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965.

Bagaimanapun, kegagalan UDP tidak dapat melemahkan semangat LCE untuk terus menukuhkan sebuah parti yang bekerjasama dengan semua kaum. Beliau mengekalkan cita-citanya itu sampai bila-bila. Oleh itu, LCE bekerjasama dengan

beberapa pemimpin Parti Buruh seperti Dr.Tan Chee Khoon, Tan Phock Kin dan V.Veerapen serta beberapa ahli akademik termasuk Prof.Syed Hussein Al-Attas dan Wang Gang Wu bagi menubuhkan GERAKAN. Dalam parti ini, LCE mengekalkan keutamaan kepada kepentingan negara dan bekerjasama dengan orang bukan Melayu. Beliau mencuba nasib bagi mengembalikan keagungannya dengan bertanding dalam Pilihanraya Umum 1969 melalui GERAKAN. Dalam pilihanraya itu, LCE menaruh harapan yang tinggi untuk memenangi pucuk pimpinan di Pulau Pinang kerana beliau dijangka akan menjadi Ketua Menteri yang kedua bagi negeri itu. Kepercayaan yang diberikan kepadanya oleh parti itu diakui oleh Presiden GERAKAN, Prof.Syed Hussein Al-Attas yang kerap menyebut perkara tersebut.

Usaha LCE dan GERAKAN itu membawa hasil apabila GERAKAN telah mencapai kemenangan besar dalam Pilihanraya Umum 1969 di Pulau Pinang dengan memenangi 16 kerusi Dewan Negeri daripada 24 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan besar GERAKAN ini membolehkan LCE dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sebagai Ketua Menteri baru, LCE tidak dibuai kegembiraan tetapi beliau yang mempunyai banyak pengalaman pentadbiran dan politik Malaysia bekerja keras menyusun sistem pentadbiran Kerajaan Negeri sebagai langkah awal memajukan negeri itu. Beliau memperkenalkan jawatan Timbalan Ketua Menteri, melaksanakan Sistem Kabinet Mini bagi memastikan sistem pentadbiran dijalankan dengan lebih lancar dan berkesan. Harapan LCE untuk melihat Pulau Pinang berjaya mengatasi segala-galanya. Dengan itu, LCE bekerjasama secara sedar dengan Kerajaan Pusat untuk tujuan senang mendapatkan peruntukan sumber kewangan bagi melaksanakan rancangan

pembangunan di Pulau Pinang. Oleh itu, LCE mengambil keputusan untuk membentuk kerajaan campuran di negeri itu. Tindakan politik LCE ini telah menimbul kemarahan sesetengah pemimpin dalam parti seperti Prof.Syed Hussein Al-Attas, Dr.Tan Chee Khoon dan Tan Phock Kin. Mereka lebih percaya bahawa GERAKAN harus kekal sebagai sebuah parti pembangkang kerana segala program pembangunan dalam negeri boleh dilaksanakan tanpa bantuan Kerajaan Pusat. Kekerasan LCE untuk terus melaksanakan kerajaan campuran ini telah mengakibatkan konflik dalaman parti menyebabkan beberapa pemimpin utama GERAKAN mengambil keputusan kuar dari parti. Dalam soal ini, LCE mula dilihat sebagai seorang bersifat autokratik. Pembentukan kerajaan campuran juga dibidas oleh parti-parti pembangkang khususnya dari DAP yang menyifatkan LCE berbuat demikian kerana kemerosotan pengaruh politik. Bagi LCE, langkah ini juga adalah untuk kepentingan negara yang baru dilanda masalah perkauman iaitu Peristiwa 13 Mei 1969.

Di samping itu, LCE juga mengadakan hubungan diplomatik dan kerjasama dengan banyak negara-negara luar sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial bagi tujuan pembangunan dalam negeri. Pada tahun 1974, LCE sekali lagi memimpin GERAKAN bertanding dalam Pilihanraya Umum 1974 bagi mempertahankan pucuk pimpinan di negeri itu. Bagaimanapun, GERAKAN kali ini bernaung di bawah BN. Kesungguhan LCE memajukan Pulau Pinang telah menyebabkan beliau sekali lagi diberi mandat oleh rakyat untuk terus menerajui negeri itu. Ertinya, keputusan pilihanraya 1974 merupakan pengiktirafan kepada kegiatan politik LCE selama ini.

Masalah ekonomi yang melanda Pulau Pinang juga menjadi tumpuan LCE sebagai Ketua Meneteri. Bagi LCE, masalah ini boleh diatasi dengan perancangan

ekonomi dan pentadbiran yang baik. Beliau mahu menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang paling maju dan kaya di Malaysia. Keazaman ini menyebabkan LCE terlibat dalam cadangan, perancangan dan pelaksanaan penubuhan PDC. Beliau dilantik menjadi Pengerusi PDC yang bertujuan untuk mengatasi masalah kemuduran ekonomi dan kemiskinan di kalangan penduduk negeri. Beliau melihat PDC sebagai satu alat yang akan menguatkan kedudukan ekonomi Pulau Pinang. Bagi LCE, tanpa kekuatan ekonomi yang seimbang dengan kekuatan politik, Pulau Pinang tidak akan maju.

Selain penubuhan PDC, LCE juga mengambil langkah-langkah mempromosikan negeri ini sebagai pusat pelancongan yang terkenal. Beliau sedar Pulau Pinang mempunyai potensi yang besar dalam sektor tersebut kerana mempunyai banyak pantai yang cantik. Oleh itu, beliau selalu menggalakkan pelancong-pelancong luar untuk melawat negeri itu. Usaha ini dibuat dengan kerjasama agensi pelancongan dalam dan luar negeri. Hasil kerja keras LCE, bilangan pelancong yang berkunjung ke Pulau Pinang meningkat setiap tahun.

Pada masa yang sama juga, LCE telah mengubah struktur ekonomi Pulau Pinang yang berteraskan pertanian kepada berorientasikan eksport. Sebagai langkah pertama, beliau telah mendirikan Zon-Zon Perdagangan Bebas di Bayan Lepas, Pulau Jerenjak dan Mak Mandin. Tindakan LCE ini telah menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat pertama dalam perusahaan barang-barang untuk dieksport di Malaysia dan membantu mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan.

Untuk melicinkan perancangan dan pelaksanaan pembangunan ekonomi, LCE juga mengadakan rombongan ke luar negeri bagi menarik lebih ramai pelabur mendirikan kilang-kilang mereka di sini. Dengan adanya banyak kilang yang beroperasi telah

membolehkan LCE mengurangkan masalah pengangguran dan kemiskinan di negeri ini. Dalam memajukan ekonomi Pulau Pinang, LCE ingin memastikan kekayaan dan kemakmuran negeri dinikmati oleh semua kaum walaupun majoriti penduduk negeri adalah orang Cina. Beliau adalah pendukung kuat konsep Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamat membasmikan kemiskinan tanpa mengirakan kaum. Beliau juga percaya pembangunan ekonomi tidak harus tertumpu di kawasan bandar tetapi juga di kawasan luar bandar atau tanah besar.

Dalam pada itu, LCE juga memberi tumpuan kepada pembangunan aspek sosial. Beliau ingin pembangunan ekonomi diseimbangkan dengan pembangunan sosial khususnya dalam meningkatkan kebajikan masyarakat. Sebagai seorang doktor, beliau memberi keutamaan kepada kesihatan penduduk negeri. Untuk tujuan itu, LCE mengarahkan pasukan pencegah nyamuk giat menjalankan aktiviti pembasmian nyamuk Aedes. Selain itu, beliau juga mengadakan kempen kebersihan bagi menanam sikap kesedaran di kalangan masyarakat tentang penting menjaga kebersihan. Pemupukan sikap itu tidak terhad di kalangan orang dewasa tetapi LCE sedar ia harus bermula dari usia yang muda khususnya pelajar-pelajar sekolah. Bagi LCE, sebuah masyarakat yang sihat akan menjadi aset yang paling berharga bagi menjana ekonomi negeri. Kebersihan dan keindahan bandar juga akan menjadi daya tarikan kunjungan pelancong. Beliau ingin menjadikan Pulau Pinang bandar terbersih di dunia.

Kesungguhan LCE untuk memastikan penduduk negeri hidup selesa juga terlihat apabila beliau membesarkan kawasan pusat bandaraya George Town dan membangunkan KOMTAR. Tujuan LCE adalah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang moden. Untuk menjamin pembangunan bandaraya yang seimbang, kemudahan-kemudahan

perniagaan dan pejabat dimasukkan dalam pembangunan KOMTAR. Ia menyediakan ruang-ruang kedai yang baik untuk perniagaan dan pejabat-pejabat yang dilengkapi dengan kemudahan yang selengkap-lengkapnya. Dengan itu, orang ramai boleh membeli belah di kedai-kedai yang berhawa dingin dengan selesa sambil berpeluang memilih barang yang beraneka jenis. Pembangunan KOMTAR yang memenuhi keperluan untuk ruang pejabat berhawa dingin. Ia akan berjaya mencapai pemusatan pentadbiran kerajaan untuk memberi khidmat yang lebih berkesan melalui kemudahan setempat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Memandangkan Pulau Pinang berdepan dengan masalah pengangguran yang teruk akibat penarikan balik status pelabuhan bebas Pulau Pinang telah menyebabkan aktiviti perniagaan terbantut dan ramai penduduk negeri tidak mendapat pekerjaan. Keadaan ini telah membawa kesusahan hidup kepada masyarakat. Atas kesedaran inilah, LCE mendirikan Pusat Latihan Bandaraya bagi melatih anak-anak muda lepasan sekolah dengan pengetahuan bersifat teknikal. Dalam pusat ini, pelbagai program latihan disediakan seperti kejuruteraan elektrik, jentera, perdagangan dan teknologi.

Untuk mendapatkan panduan yang lebih sempurna mengenai pelaksanaan program *In-service training* ini, LCE telah mendapatkan nasihat dan bantuan ahli-ahli akademik dari Universiti Sains Malaysia dan pakar-pakar dari negara Jerman. Melalui pendekatan ini, beliau berharap pusat ini dapat menyediakan latihan dan memberi didikan yang paling baik kepada pelatih-pelatih pusat.

Dengan itu, pelatih-pelatih yang keluar dari pusat ini adalah mereka yang terbaik dalam bidang masing-masing. Pusat ini adalah perintis kepada penubuhan politeknik negeri.

Sebagai seorang yang ingin melihat masyarakat hidup bersatu padu, LCE mengambil beberapa langkah ke arah itu. Antaranya ialah menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Malaysia secara meluas. Beliau percaya bahasa kebangsaan akan menjadi alat penyatu masyarakat dan pembina bangsa. Dalam soal ini, beliau percaya sebuah masyarakat yang bersatu penting bagi melahirkan sebuah negeri yang kuat. Beliau sering meminta masyarakat Pulau Pinang khususnya orang Cina supaya meningkatkan penguasaan bahasa kebangsaan. Selain itu, beliau secara beransur-ansur menggunakan bahasa ini dalam urusan pentadbiran kerajaan bagi menggantikan bahasa Inggeris.

Pembinaan Jambatan Pulau Pinang juga salah satu strategi LCE memupuk perpaduan dalam negeri selain faktor ekonomi. Beliau ingin merapatkan hubungan penduduk di Pulau Pinang dan tanah besar. Untuk tujuan itu, sistem pengangkutan yang menghubungkan kedua-dua kawasan ini harus dipertingkatkan dan tidak boleh lagi semata-mata bergantung kepada perkhidmatan feri. Beliau tidak ingin penduduk di kawasan tanah besar merasakan dirinya tersisih dari arus pembangunan negeri. Sebaliknya, LCE inginkan kerjasama erat seluruh penduduk negeri memajukan Pulau Pinang. Dalam soal ini, LCE berperanan sebagai pendesak kuat meminta Kerajaan Pusat mempercepatkan pelaksanaan projek mega itu.

Maka, dengan melihat kepimpinan LCE di Pulau Pinang sehingga tahun 1974 bolehlah dikatakan beliau seorang yang mempunyai idea yang banyak dan konkret serta berusaha bersungguh-sungguh memajukan negeri ini. Kesungguhannya ini telah berlanjut selama 21 tahun sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang (1969-1990) dan hanya berakhir apabila beliau kecundang dalam Pilihanraya Umum 1990.